



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

Senate

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

Jilid II

Bil. 26

Hari Rabu

14hb Disember 1988

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Kesatuan Sekerja (Pindaan) (Ruangan 36)

Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) (Ruangan 105)

Rang Undang-undang Pertubuhan Peladang (Pindaan) (Ruangan 110)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Rabu, 14hb Disember, 1988

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D 0 A

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

WANG KWSP UNTUK PELAJARAN LANJUTAN

1. **Tuan V.K. Sellapan** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada pinjaman wang 100% dapat diberi kepada pekerja-pekerja estet untuk memiliki rumah menurut institusi kewangan. Sama ada caruman wang KWSP dapat digunakan untuk tujuan pendidikan memandangkan bahawa perbelanjaan untuk pendidikan, semakin meningkat khususnya di luar negeri. Apakah tindakan yang telah dan akan diambil terhadap orang perseorangan, yang mengeluarkan caruman wang KWSP secara tidak sah khususnya di kalangan peguam.

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Mohamed Farid bin Ariffin]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan pada masa ini tidak ada rancangan untuk memberi pinjaman wang 100% kepada pekerja-pekerja estet untuk memiliki rumah menerusi institusi-institusi kewangan.

Kerajaan telahpun mengkaji dengan teliti cadangan untuk mengadakan skim pengeluaran caruman KWSP bagi tujuan menampung pelajaran lanjutan. Keputusan telahpun dibuat bahawa skim tersebut tidak wajar dilaksanakan kalau setelah mengambil kira perkara-perkara berikut:

- (i) implikasi yang negatif terhadap aliran wang tunai dan kedudukan kewangan KWSP dalam jangka masa yang panjang; dan

- (ii) skim pengeluaran seperti yang dicadangkan itu tidak akan memberi manfaat kepada segolongan besar pencarum-pencarum KWSP kerana 82% daripada mereka mempunyai jumlah caruman yang kurang daripada 510,000.

Berhubung dengan itu isu penipuan juga dalam pengeluaran wang simpanan KWSP dan kes-kes yang berkenaan yang merupakan kes jenayah (criminal) telah dilaporkan kepada pihak polis untuk tindakan yang sewajarnya. Oleh kerana itulah maka pihak Kerajaan telah memutuskan supaya tidak menjalankan ataupun meimplimentasikan program berkenaan dengan pengeluaran wang KWSP untuk lanjutan pelajaran.

Tuan G. Rajoo: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa ada pihak yang mengeluarkan 100% simpanan KWSP mereka dengan tujuan membeli, rumah kos rendah akan tetapi di masa yang sama juga memohon 100% pinjaman dari Kerajaan. Jika sedar bagaimanakah perkara ini boleh berlaku dan apakah tindakan-tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk mengelakkan perkara ini berlaku?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, pertama adalah menjadi dasar KWSP bahawa pengeluaran untuk membeli rumah hanya dibenarkan mengikut garis panduan-garis panduan yang telah ada. Setakat ini mengikut dasar KWSP tidak ada peraturan yang membenarkan ia mengeluarkan 100% wangnya untuk membeli rumah.

Mengikut maklumat yang kami ada, seorang hanya boleh mengeluarkan lebih kurang 40% daripada wang KWSP ataupun 10% daripada harga rumah yang mana yang lebih tinggi dengan maksimum sebanyak 320,000. Jika sekiranya terdapat kes-kes di mana orang telah mengeluarkan wang 100% daripada KWSP ini adalah di luar daripada garis panduan yang telah ditetapkan. Jika sekiranya ada kes-kes ini yang mungkin

dalam pengetahuan Ahli Yang Berhormat yang berkenaan maka saya menyarankan supaya Yang Berhormat memberi butir-butir terperinci untuk Kemeterian atau KWSP menyiasat. Mungkin ada kaitan dengan satu-satu yang di luar daripada cara biasa.

Yang kedua, untuk membeli rumah kos rendah, beberapa bank telahpun membenarkan supaya sebahagian besar daripada harga wang rumah itu dibiayai oleh pinjaman bank, tetapi ini terpulanglah kepada dasar bank masing-masing. Jika sekiranya Ahli Yang Berhormat memerhatikan akhir-akhir ini beberapa bank telahpun mengumumkan beberapa program tertentu. Sebuah bank telah mengumumkan satu program yang dinamakan "Five Star Programme" dan sebelum itu sebuah bank telahpun mengumumkan penurunan kadar faedah untuk membeli rumah-rumah kos rendah. Persaingan terdapat dalam industri bank dan ini adalah satu perkara yang mungkin membawa kepada, dengan izin, a lower cost of funds untuk seseorang itu meminjam untuk membeli rumah. Apatah lagi kepada pembeli-pembeli yang ingin membeli rumah yang di bawah daripada 325,000 iaitu rumah kos rendah.

Walau bagaimanapun, saya ingin sekali lagi menyarankan ataupun meminta Ahli Yang Berhormat supaya memberi butir-butir terperinci jika ada kes seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat yang ada kaitan dengan KWSP dan saya dengan rela hati di sini memberi jaminan bahawa jika sekiranya terdapat kes seperti itu, kita akan menyiasat sedalam-dalamnya.

SUKARELAWAN DI KALANGAN MASYARAKAT

2. **Tuan Mohd. Wajdi bin Dato' Haji Ishak** minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan sejauh manakah usaha telah dibuat oleh pihak Kementerian bagi menentukan dan memberi galakan kepada kegiatan sukarelawan di kalangan masyarakat kita supaya membantu mereka yang tidak bernasib baik. Sebutkan badan-badan sukarela yang telah bekerjasama dengan pihak Kementerian bagi tujuan-tujuan ini jika ada.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat [Tuan Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kebajikan Masyarakat telah menjalankan berbagai usaha untuk menggalakkan kegiatan sukarelawan di kalangan masyarakat kita agar dapat menyumbag khidmat bakti untuk membantu mereka yang kurang bernasib baik.

Selain dari perkhidmatan perundingan, nasihat dan bimbingan kepada orang perseorangan atau kelompok masyarakat yang ingin melibatkan diri dalam khidmat kebajikan sukarela, Kementerian juga telah mengadakan kempen pendaftaran pekerja sukarela yang bertujuan untuk menggalakkan dan memudahkan penyertaan dan penglibatan orang ramai dalam perkhidmatan kebajikan sukarela. Kempen ini telah diadakan pada tahun 1985 semasa Minggu Kebajikan Negara di mana seramai 434 orang telah didaftarkan dan pada tahun ini sempena Bulan Kebajikan Negara yang beroleh 246 orang sukarelawan didaftarkan.

Dalam usaha ini, semua pertubuhan-pertubuhan kebajikan sukarela yang di bawah pengawasan Kementerian ini telah bekerjasama untuk menjayakan usaha-usaha ke arah peningkatan bidang sukarelawan di kalangan masyarakat. Pertubuhan-pertubuhan kebajikan sukarela yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

Peringkat Kebangsaan ada seramai 11 pertubuhan dan di dalam peringkat Negeri ada seramai 63 pertubuhan-pertubuhan sukarelawan.

Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa jikalau saya baca nama-nama ini sangat panjang, kalau dapat jawapan ini akan diberi kepada Yang Berhormat berkenaan.

INSURANS KESIHATAN

3. **Tuan C. Krishnan** minta Menteri Kewangan, menyatakan baru-baru ini Perdana Menteri kita telahpun merayu syarikat-syarikat insurans mengadakan satu Insurans Kesihatan. Setakat ini adakah sebarang sambutan dari syarikat-syarikat insurans di negara kita.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Skim Insurans Kesihatan di negara kita sebenarnya telahpun dilaksanakan oleh beberapa syarikat insurans sejak beberapa lama dahulu. Mungkin Ahli Yang Berhormat tidak begitu mengikutinya, maka oleh kerana itulah Yang Berhormat menimbulkan soalan tersebut. Ini merupakan salah satu daripada skim-skim insurans yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat insurans. Bagaimanapun, pelaksanaan pada masa ini tidaklah begitu meluas dan ia pada amnya diminati oleh mereka yang bekerja dengan syarikat-syarikat swasta dan individu-individu yang berminat dengan perkhidmatan berkenaan.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan beritahu Dewan ini Insurans Kesihatan diwajibkan seperti di negara Amerika di mana semua warganegara mesti terlibat di dalam Insurans Kesihatan. Apabila mereka pergi ke klinik-klinik dan hospital, mereka perlu adakan Insurans Kesihatan. Itulah maksud saya di dalam negara kita adakan rancangan untuk wajibkan Insurans Kesihatan?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua pertama sekali soalan itu berbunyi seperti yang telah diterangkan tidak terdapat perkataan "wajib" di situ. Oleh kerana itu maka kita menjawab mengikut soalan yang ditanya. Walau bagaimanapun, jika sekiranya pandangan Yang Berhormat itu untuk mencadangkan ataupun meminta Kerajaan menimbang adakah patut atau tidak diadakan satu 'compulsory National Health Insurance', itu berlainan daripada soalan pokok. Walau bagaimanapun, jika sekiranya Ahli Yang Berhormat melihat dan membandingkan keadaan negara-negara yang ada sistem sedemikian dengan negara kita, kita dapati bahawa di negara-negara yang mempunyai National Health Insurance itu seperti England tidak terdapat satu program di mana kadar pembayaran untuk seseorang itu mendapat rawatan adalah rendah. Macam di Malaysia, jika seseorang itu sakit dan dia tidak tergolong dalam kumpulan yang senang ataupun dia tergolong dalam kumpulan orang yang susah ataupun miskin, maka ia tidak perlu membayar rawatan tersebut dan jika sekiranya ia disifatkan boleh atau mampu sedikit, dia hanya membayar 50 sen ataupun jika sekiranya ia lebih mampu sedikit, maka dikenakan kadar biasa. Tetapi di negara-negara seperti contoh yang disebut oleh Yang Berhormat tadi yang saya anggap itulah menyebabkan Yang Berhormat tanya, iaitu seperti Great Britain ataupun England, dengan izin, the fees ataupun the cost of perubatan, di tempat-tempat itu adalah tinggi, maka Kerajaan negara-negara tersebut mengadakan sistem National Health Insurance yang mewajibkan tiap-tiap pekerja mencarum ke dalam sistem tersebut.

Jika sekiranya Kerajaan mendapati bahawa ini adalah satu perkara yang baik, mungkin boleh kita pertimbangkan tetapi sebelum sesuatu skim yang sedemikian dijalankan secara besar-besaran di

negara ini, satu kajian yang menyeluruh dan meneliti perlu diadakan. Tetapi memadailah pada masa ini bahawa syarikat-syarikat insurans ini diberi peluang untuk menawarkan skim yang tersebut kepada orang-ramai dan saya difahamkan bahawa premium untuk mendapatkan Insurans Kesihatan ini tidaklah begitu tinggi, terutama dalam keadaan masa sekarang di mana syarikat-syarikat insurans cuba berlumba-lumba untuk menentukan bahawa premium sesuatu syarikat insurans itu tidaklah membebankan rakyat.

ARQAM - MENGHARAMKAN

4. **Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan bercadang mengharamkan pertubuhan dakwah Arqam memandangkan beberapa kejadian yang boleh mengelirukan dan menyelewengkan akidah penganut-penganut agama Islam di negara ini.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Othman bin Abdul] : Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi soalan yang seperti ini telahpun saya jelaskan di dalam Dewan yang mulia ini semasa menjawab pertanyaan Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah pada 9.12.1988 yang lalu dan soalan-soalan tambahan yang berkaitan dengannya.

Saya tidak ada perkara-perkara baru yang hendak ditambah dalam perkara berkenaan.

KOPERASI NESA DAN MAJUJAYA

5. **Tuan K. Sivalingam** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk memulihkan dua buah koperasi iaitu Koperasi Nesa dan Majujaya yang mengalami beberapa masalah.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bank Negara Malaysia masih lagi dalam peringkat penyiasatan ke atas masalah-masalah yang dihadapi oleh Koperasi Nesa dan Majujaya dan saya difahamkan bahawa kedua-dua koperasi ini adalah tajaan MTC. Pengumuman mengenai apa yang akan dibuat pada satu masa akan datang akan dibuat oleh Kerajaan apabila tiba masanya yang sesuai.

CUKAI PENDAPATAN

6. **Dr. Nordin Selat** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah usaha-usaha yang dijalankan supaya semua yang terlibat membayar cukai pendapatan masing-masing dengan betul tanpa penipuan.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya maklumkan bahawa menurut peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967, tiap-tiap orang perseorangan termasuk syarikat ataupun kumpulan orang sama ada pemastautin ataupun tidak pemastautin di Malaysia yang menerima pendapatan di Malaysia yang boleh dikenakan cukai wajib mengisytiharkan pendapatan mereka kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri.

Saya kata wajib mengisytiharkan, tidak bermakna seseorang yang telahpun diwajibkan untuk mengisytiharkan pendapatan mereka itu akan dikenakan cukai. Tetapi jika sekiranya mereka tidak mengisytiharkan pendapatan mereka dalam tempoh yang telah ditetapkan maka mereka boleh dikenakan denda. Oleh kerana itu adalah dinasihatkan supaya orang-orang yang wajib mengisytiharkan pendapatan mereka, apabila mereka menerima borang-borang yang berkenaan menghantar borang-borang mereka dengan mengisytiharkan pendapatan mereka supaya mereka tidak terkena denda.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sebagai contoh, di Kelantan, seumpamanya, daripada beberapa borang yang kita keluarkan hanya 30% daripada orang yang mengisytiharkan pendapatan mereka itu dikenakan cukai, 70% yang lain tidak dikenakan cukai oleh kerana mereka tidak tergolong dalam kumpulan yang kena cukai. Ini adalah satu perkara yang disalah fahamkan oleh rakyat, jika mereka menerima sebarang borang daripada Jabatan Hasil Dalam Negeri, mereka menjangka bahawa mereka terpaksa membayar cukai. Ini menerangkan di sini dengan jelas bahawa pengisian dan kewajipan mengisytiharkan pendapatan. tidak semestinya seseorang itu akan dikenakan cukai, jika sekiranya ia tidak tergolong di dalam kumpulan yang akan dikenakan cukai.

Bagi mereka yang telah mempunyai fail cukai pendapatan dan gagal mengembalikan Borang Penyata taksiran. anggaran bersama dengan denda akan dikeluarkan dan mereka diminta mengembalikan. borang penyata. Inilah yang selalu menimbulkan masalah, apabila mereka tidak menghantar balik pengisytiharan mereka dan apabila orang itu

menerima anggaran ataupun assessment dari Jabatan Hasil Dalam Negeri, maka timbullah masalah kerana selalunya assessment itu dimasukkan sekali dengan denda terus. Jika mereka enggan berbuat demikian, tindakan mahkamah akan diambil.

Saya menasihatkan kepada orang-orang yang berkenaan supaya mengambil tindakan sebelum tindakan mahkamah diambil dan jika sekiranya mereka menghadapi masalah membayar cukai mereka bolehlah merayu kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri untuk mendapat pertimbangan membayarnya secara ansuran. Banyak kes-kes telahpun diberi perhatian. dan telahpun. membayar cukai mereka secara ansuran. Saya ingin menyatakan di sini sekali lagi bahawa Kerajaan dalam membuat demikian tidak mahu menimbulkan keadaan salah faham dan keadaan, dengan izin, a situation of fear, tetapi kita hendak menimbulkan satu keadaan ataupun, dengan izin, a situation of responsibility.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Hasil Dalam Negeri telah menubuhkan satu unit khas baru-baru ini, yang diberi nama Unit Bergerak dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat dalam Dewan Negara ini, inilah kali pertama saya membuat pengumuman berkenaan dengan anggota unit bergerak ini, yang antara lain telahpun dilatih dari segi self-defence, takut-takut kalau sekiranya mereka itu masuk ataupun pergi ke tempat-tempat, akan diserang. Maka oleh kerana itu, dengan izin, it is only just for the sake of self-defence not- for the sake of other purpose. Jadi, unit bergerak ini akan dan telahpun dicadangkan untuk ditubuhkan di tiap-tiap cawangan pada awal tahun ini untuk melawat orang perseorangan, peniaga atau syarikat untuk memastikan sama ada fail cukai pendapatan untuk mereka itu telah didaftarkan.

Fail baru akan didaftarkan apabila didapati mereka yang berkenaan terkena dalam kumpulan orang yang membayar cukai dan belum lagi didaftarkan. Tujuan utama unit tersebut ditubuhkan atau diperkenalkan ialah untuk memperluaskan lagi asas cukai ini supaya lebih ramai orang yang boleh dikenakan cukai pendapatan membayar cukai mereka.

Seperti saya umumkan kelmarin daripada 17 juta rakyat Malaysia, hanya 5.2% sahaja yang membayar cukai dan daripada beratus-ratus ribu syarikat yang terdaftar hanya 13% sahaja yang membayar cukai. Ini adalah satu angka yang amat rendah jika dibandingkan dengan negara-negara barat seperti United Kingdom yang lebih daripada 50% daripada rakyat mereka membayar cukai.

Jadi, oleh kerana itu maka Kerajaan telahpun terpaksa mengambil tindakan-tindakan dan langkah-langkah tersebut untuk meluaskan lagi asas cukai supaya lebih ramai orang yang boleh dikenakan cukai pendapatan membayar cukai mereka. Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, pembayar cukai yang sudah mempunyai fail dinasihatkan menyimpan rekod mereka dengan cara yang betul dengan mendapatkan perkhidmatan akauntan ataupun agen cukai yang bertauliah. Selalunya kita mendapat komplek mengatakan bahawa mereka tidak mempunyai pendapatan yang sekian-sekian, tetapi apabila dikenakan cukai baharulah kes ini timbul, maka disemak semula, sebenarnya mereka tidak mempunyai satu sistem untuk menyimpan akaun ataupun rekod mereka. Oleh kerana itulah maka timbul masalah mereka untuk membuktikan apakah yang dikatakan oleh Jabatan. Hasil Dalam Negeri itu betul ataupun apa yang dikatakan oleh mereka itu boleh diterima atau tidak.

Pasukan audit luar (field audit) juga akan melawat pembayar cukai dan memeriksa sama ada rekod disimpan dengan betul dan mereka iai dikehendaki melaporkan pendapatan mengikut akaun yang telahpun diaudit itu. Pembayar cukai yang disyaki melaporkan pendapatan yang tidak benar akan disiasat oleh Pusat Penyiasatan dan jika telah terbukti bahawa pengelakan cukai berlaku, pembayar cukai-boleh-didakwa di mahkamah atau dikehendaki membayar cukai yang kurang ditaksirkan bersaraa dengan denda sekali ganda. Jika mereka didakwa dan disabit-kaa kesalahan, denda tidak melebihi \$5,000 akan dikenakan oleh mahkamah dan disamping itu mereka juga dikehendaki membayar satu denda khas sebanyak dua kali ganda jumlah cukai yang kurang ditaksirkan itu. Di mana seseorang itu dengan sengaja atau dengan tujuan untuk melarikan cukai atau membantu orang lain melarikan cukai, ini masuk dalam istilah syubahat, jika beliau disabitkan kesalahan akan dikenakan denda tidak melebihi \$10,000 atau dipenjarakan bagi terapoh yang tidak melebihi 3 tahun, atau kedua-duanya sekali. Selain daripada itu, cukai yang kurang ditaksir beserta satu denda sebanyak tiga kali ganda cukai tersebut akan dikenakan bayaran.

Ada kes-kes di mana kita telahpun meminta supaya pembayar-pembayar cukai itu ataupun orang-orang yang telahpun bertujuan untuk lari daripada membayar cukai untuk declare, dengan izin, pendapatan mereka sebanyak 12 tahun kebelakangan, kerana itu, Tuan. Yang di-Pertua, maka saya ingin mengambil kesempatan ini menasihatkan orang ramai dan melalui Dewan Negara ini menasihatkan orang di kawasan masing-masing untuk mengikuti ataupun comply, dengan izin, kepada

Undang-undang Cukai Pendapatan supaya tidak menimbulkan masalah.

Saya ingin menegaskan di sini bahawa tujuan Kerajaan ialah bukan untuk membebankan rakyat, tetapi hanyalah menjalankan tugas dan Kementerian Kewangan mengharap ini akan menjadi satu perkara biasa pada 2, 3 tahun akan datang dan tidak mungkin menimbulkan satu krisis ataupun satu keadaan yang boleh mencemaskan rakyat, Saya dengan ini sekali lagi menegaskan bahawa unit bergerak yang telah ditubuhkan bukan bertujuan untuk memasuki sesuatu kawasan ataupun menyelidik seseorang untuk tujuan lain daripada mencari hal atau butir-butir yang patut untuk melaksanakan undang-undang yang terdapat di bawah Akta Cukai Pendapatan. 1967.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tentang jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan berkenaan dengan unit bergerak dari Jabatan Hasil Dalam Negeri, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa unit bergerak ini sedang menyiasat penjaja-penjaja, dan apa yang saya dapat maklum balas daripada penjaja-penjaja ialah mereka berasa Kerajaan tidak ber-simpati dengan mereka. Kebanyakan mereka ini adalah sebilangan besar golongan yang berpendapatan rendah dan kebanyakan mereka adalah kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Tidakkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan mencadangkan kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri mengadakan cara lain untuk mengutip cukai pendapatan mereka, kerana setakat ini unit bergerak iai apabila menyiasat seseorang penjaja itu, ada setengah-setengah pegawai ini kelakuan mereka kurang bersopan-santun dan sehingga mengakibatkan penjaja-penjaja kita berasa takut kerana mereka tidak pernah menyimpan segala rekod-rekod perniagaan mereka.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya telahpun saya anggap begitu menyeluruh dan oleh kerana itulah maka saya ingin menyatakan sekali lagi di sini bahawa pegawai-pegawai dalam Jabatan Hasil Dalam Negeri sebenarnya menjalankan kerja mereka mengikut undang-undang yang telahpun ditetapkan dan mereka telahpun dinasihatkan supaya tidak bersifat kurang sopan apabila menjalankan tugas mereka. Akhir-akhir ini jarang-jarang kita mendengar komplek daripada orang ramai berkenaan dengan perangai ataupun pendekatan (approach) pegawai-pegawai Jabatan Hasil Dalam Negeri ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya kurang setuju sedikit mengatakan bahawa ramai penjaja-penjaja "kais pagi makan pagi, kais petang makan petang". Untuk makluman Yang Berhormat, kita mempunyai rekod menunjukkan bahawa ada penjaja-penjaja yang mempunyai pendapatan yang lebih daripada Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini. Sebagai contoh, saya katakan seorang yang menjual nasi lemak ataupun penjaja kecil - dikatakan "penjaja kecil", mempunyai pendapatan mungkin Yang Berhormat terkejut iaitu \$100,000 setahun, we have the record, dengan izin, dan pada hitung panjangnya seorang penjaja boleh mendapat keuntungan \$50.00 sehari.

Jadi, oleh kerana itu kita minta penjaja-penjaja itu bersimpati dengan diri mereka supaya bekerjasama dengan Kerajaan, menghantar borang-borang itu dengan sukarela. Apabila mereka tidak menghantar borang-borang ini dengan sukarela, maka di bawah undang-undang, pegawai-pegawai Kerajaan ini akan pergi menyiasat dan saya memberi jaminan (guarantee) bahawa mereka ini hanya pergi menyiasat dengan syarat tidak ada, maksud saya 'provocation' daripada pihak-pihak

yang disiasat. Kes-kes yang telah sudah apabila seseorang itu telahpun dilanggan dari segi privacynya, kita selalu 'react' ataupun bertindak-balas dengan 'provoke'.

Dalam keadaan sedemikian maka timbul satu salah faham dan oleh kerana itulah maka dalam keadaan-keadaan ini apabila kita interview pegawai-pegawai ini mereka katakan mereka kadang-kadang tidak ada sesuatu untuk melindungi keselamatan' mereka. Kalau sekiranya mereka pergi ke satu tempat yang mempunyai penjaja-penjaja yaag ramai, mungkin mereka akan diserang, Oleh kerana itu maka kita melatih mereka, hanya untuk 'self-defence', yang dinamakan "Pancang 12", kalau saya tidak salah, tetapi ini saya sendiripun perlu belajar juga [**Ketawa**].

Tetapi untuk makluman Yang Berhormat, saya berkali-kali telah membuat kenyataan mengatakan bahawa kita tidak sekali-kali bertujuan untuk mencari lebih daripada yang kita patut cari, tetapi saya ingin meminta kerjasama daripada penjaja-penjaja supaya mengisi borang itu dengan sukarela dan menggunakan services agen-agen cukai ini jika timbul masalah. Tetapi jika sekiranya mereka tidak membuat demikian, maka kita terpaksa membuat penyiasatan dan kita menganggap melalui exercise yang kita buat **ini**, maka penjaja-penjaja juga akan menyimpan rekod masing-masing dan mengetahui untung-rugi perniagaan mereka. Oleh kerana itulah maka kita tidak perlu menimbulkan keadaan takut dan jika sekiranya Ahli Yang Berhormat ada kes-kes tertentu, beri laporan terus kepada saya ataupun kepada Menteri Kewangan untuk kita mengambil tindakan sewajarnya.

Tetapi saya ingin menyarankan jika sekiranya masih terdapat salah faham di antara rakyat dengan tujuan Kerajaan **ini**, kita boleh menghantar pegawai-pegawai kita untuk menerangkan keadaan sebenarnya dan supaya mereka ini faham sebenar-benarnya, Tetapi kita faham

hakikat manusia sebenarnya bahawa tidak seorang pun dalam dunia ini yang mahu 'membayar cukai. [Ketawa] That is a fact. Iah kerana itulah pada Belanjawan tahun ini yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, kita telahpun membuat pendekatan baru untuk restructure the tax system, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, supaya kita bergerak daripada 'direct tax,' kepada 'indirect tax', Berkemungkinan besar kita akan memperkenalkan what we call the VAT system, berkemungkinan bahawa kurangnya masalah yang, mungkin timbul daripada pengutipan cukai secara direct. Oleh kerana itulah maka kita sedang mengkaji sistem percukaian sekarang dan kita namakannya sebagai reformasi tax system yang sudahpun diperkenalkan atau dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Berkeaaan dengan soalan yang kedua iaitu kurang sopan, saya-telahpun jawab. Yang menimbulkan isu sebenarnya ialah apa yang berlaku di satu tempat dahulu tetapi selepas itu pada pendapat saya masih tidak lagi terdapat masalah-masalah di mana pegawai-pegawai Jabatan Hasil Dalam Negeri bersifat kurang sopan. Kita telah memanggil dan melatih mereka sekali lagi dan kita adakan 'in-service courses' untuk menentukan bahawa mereka menghadapi pembayar-pembayar cukai ini dengan sopan-santun tetapi apabila mereka diprovoke, seperti manusia biasa juga mereka react. Oleh kerana itulah maka saya ingin menerangkan sekali lagi kita tidak sekali-kali mahu menimbulkan "a situation of fear but a situation of responsibility". Terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri sudahpun menjawab begitu panjang lebar dan cukup padat, jadi kita pindahlah kepada soalan yang lain.

ELEKTRIK DAN TELEFON - KADAR BAYARAN

7. **Tuan Mustafa bin Awang** minta Menteri Tenaga, Telekomunikasi dan Pos menyatakan adakah rancangan hendak menilai semula tentang kadar bayaran elektrik dan telefon di seluruh negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat [Tuan Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mewakili Menteri menjawab soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa memberi perhatian ke atas kadar tarif elektrik di negara ini dan sebagaimana termaklum, industri-industri tempatan telahpun diberi diskaun ke atas bil elektrik mereka. Sekarang Lembaga Letrik Negara sedang mengkaji kadar elektrik bagi kediaman dan hasil kajian itu akan dikemukakan kepada Kerajaan untuk pertimbangan.

Lembaga Letrik Sabah telah juga menurunkan kadar elektriknya baru-baru ini dan buat masa sekarang badan berkenaan tidak bercadang menurunkan lagi kadar elektrik kerana kos penjanaan di negeri itu adalah tinggi. Kadar elektrik di Sarawak adalah tertakluk di bawah kuasa Kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Syarikat Telekom Malaysia sekarang sedang menjalankan kajian ke atas kadar bayaran perkhidmatan telefon dan hasil kajian itu akan dikemukakan kepada Kerajaan untuk pertimbangan.

Tuan G. Rajoo: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen adakah Kerajaan bercadang untuk memasang meter bagi talian telefon setiap rumah untuk mengira kos memandangkan terdapat beberapa komplek atas pengiraan meter telefon?

Yang kedua, saya juga ingin bertanya sama ada Kerajaan akan mengkaji untuk memusatkan agensi pengiraan bil supaya seorang perabaca meter dapat membaca meter air elektrik dan telefon sekali gus setiap lawatan untuk mengurangkan tenaga pekerja dan jimatkan masa?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, untuk jawapan soalan nombor satu ialah memasang meter di setiap rumah, walaupun saya tidak diberi arahan tentang ini, tetapi saya rasa tidak praktikal dari segi praktiknya kita hendak memasang meter untuk telefon di setiap rumah supaya kita dapat mencatat berapa panggilan yang digunakan.

Untuk menjawab soalan yang kedua, saya rasa cadangan ini bagus, saya akan menyerahkan cadangan Yang Berhormat itu kepada Kementerian berkenaan.

Tuan Lau Keng Sioog: Tuan Yan di-Pertua, soalan tambahan. Saya suka bertanya Yang Berhormat berkenaan dengan telefon, nampaknya selepas diswastakan keadaannya bertambah buruk bukan bertambah baik. Oleh sebab hari-hari berlaku di tiap-tiap daerah ada orang yang sudah bayar bil-bil telefon selepas satu dua tahun, jadi pihak berkenaan menghantar surat mengatakan si pengguna tidak bayar sekian-sekian tahun, sekian-sekian bulan. Apabila resit diproduce, dengan izin, barulah sedar mereka sudah bayar, tetapi kemudian lat dua minggu hantar satu bil lagi menyatakan bulan Julai sudah bayar, September belum bayar. Jadi apabila tidak dibayar dalam masa satu minggu telefon itu telah dipotong, selepas itu dipanggil ke pejabat, bila sampai ke pejabat mereka menunjukkan bilangan, awak berhutang sebulan sahaja \$45, apabila \$45 sudah dibayar telefon itupun dipasang semula. Kalau perkara ini berlaku hari-hari, saya fikir orang ramai terutama sekali rakyat jelata yang miskin yang tidak tahu hendak jumpa siapa memang menjadi satu masalah yang besar. Jadi bila perkara ini boleh diatasi, saya minta pihak Yang Berhormat menjelaskan perkara ini, sepatutnya perkara ini dapat diatasi, selepas diswastakan sepatutnya makin lama makin baik, bukan makin bertambah buruk. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Apa soalnya Yang Berhormat? [Ketawa]
Apa soalan tambahan yang bersabit dengan itu? Tidak ada?

Tuan Lau Keng Siong: Tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah dijawab.

LESEN MEMANDU PALSU

8. Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah minta Menteri Pengangkutan menyatakan kegiatan sindiket pemalsuan lesen memandu dikesan di Kuala Lumpur dan negeri Selangor Darul Ehsan, apakah kegiatan ini juga berlaku di negeri lain, jika ada:

- (a) di negeri mana;
- (b) jumlah orang yang terlibat.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, kegiatan sindiket pemalsuan lesen memandu yang dikesan sebenarnya melibatkan pemalsuan dokumen-dokumen untuk memproses dan mendapatkan lesen memandu kepada orang-orang yang tidak pernah menjalani atau lulus- ujian memandu, dan bukannya pemalsuan ke atas lesen memandu berlapis yang sukar dilakukan kerana ianya mempunyai ciri-ciri keselamatan dan mutu yang tinggi. Dokumen-dokumen palsu yang dimaksudkan adalah sijil lulus ujian memandu (DL 18) di mana sijil dan tandatangan pegawai dipalsukan serta pemalsuan resit bayaran. Mengikut siasatan yang masih dijalankan, kegiatan pemalsuan dokumen ini juga melibatkan Negeri-negeri Pulau Pinang, Perak dan Negeri Sembilan. Memandangkan siasatan Polis masih dijalankan, jumlah orang yang terlibat masih belura dapat disahkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Tan Chai Ho.

Tuan P. Balaram: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan yang ke 9.

PELABUHAN LABUAN - MEMAJUKAN

9. **Tuan P. Balaram (di bawah S.O. 23(2))** minta Perdana Menteri menyatakan apakah rancangan pembangunan baik jangka pendek mahupun jangka panjang telah dirangka untuk memajukan Pelabuhan Labuan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Othman bin Abdul]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah mengenalpasti beberapa program tertentu yang boleh memajukan Pelabuhan Labuan setaraf dan setanding dengan lain-lain pelabuhan di Malaysia.

Dari segi jangka pendek, Kerajaan bercadang melaksana dan mempertingkatkan kemudahan fizikal dan pengurusan pelabuhan yang sedia ada dan untuk menarik pedagang tukar barang dari Filipina. Bagi tujuan ini, Kerajaan telah memutuskan untuk memberikan kebenaran kepada semua kapal tukar barang berlabuh di jeti pelabuhan dan juga pemeriksaan senjata dipindahkan dari pusat pemeriksaan Kerakit di Pulau Banggi ke Pulau Labuan.

Kerajaan juga telah meluluskan peruntukan berjumlah \$4 juta, untuk memperbaiki dan membina sebuah jeti penumpang yang baru bagi semua bot-bot penumpang dari kawasan sekitarnya dan yang datang ke Labuan. Bangunan Kojasa akan dijadikan terminal bot bagi penumpang yang tiba dan berlepas dari Labuan.

Dari segi jangka panjang pula, Kerajaan akan mempertingkatkan taraf pelabuhan Labuan menjadi pelabuhan 'entreport' untuk menggalakkan perkembangan perdagangan dan perindustrian. Pelabuhan yang sedia ada yang terletak di pusat bandar tidak lagi sesuai

uatuk perkembangan di masa hadapan, dan Kerajaan telah mengarahkan pihak berkuasa di Labuan untuk menumpukan pembangunan pelabuhan di kawasan Ranca-ranca bagi memenuhi keperluan perkembangan perindustrian di masa hadapan. Walau bagaimanapun, pelabuhan yang sedia ada akan dikekalkan untuk pengangkutan penumpang. Di samping itu ianya juga akan mengurangkan bilangan kenderaan berat yang akan memasuki pusat bandar.

Untuk memastikan penggunaan sepenuhnya kemudahan 'entreport' bagi menggalakkan pertumbuhan perdagangan di Labuan, Kerajaan telah bersetuju untuk mengkaji semula struktur cukai barangan yang diimport dan dieksport melalui Labuan untuk membolehkan barangan di tawarkan dengan-harga yang lebih murah dan mampu bersaing di pasaran-luar.

Dalam bidang perindustrian pula, Kerajaan telahpun melaksanakan beberapa program untuk memastikan bekalan air dan elektrik yang secukupnya. Di samping itu Kerajaan juga sedang mengkaji tarif bayaran elektrik dan air serta kos tanah untuk membolehkannya setanding dengan tempat-tempat lain yang menjadi daya tarikan kepada pelabur-pelabur dalam dan luar negeri.

GETAH - PASARAN DI LUAR NEGERI

10. Cik Norani binti Haji Beluah minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada dalam perancangan pihak Kementerian untuk memproses sendiri getah di negara ini bagi menghasilkan barangan yang bermutu untuk pasaran di luar negeri.

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Mohamed Farid bin Ariffin]:

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bagi pihak Menteri Perusahaan Utama.

Kementerian Perusahaan Utama sentiasa menumpukan usahanya ke arah meningkatkan aktiviti pemprosesan getah selaras dengan hasrat Kerajaan supaya negara kita bukan sahaja menjadi pengeluar barangan utama dalam bentuk bahan mentah tetapi juga dalam bentuk yang diproseskan. Selain dari SMR (Standard Malaysian Rubber), dengan izin yang digunakan secara meluas, Kerajaan melalui badan-badan penyelidikannya telah mewujudkan getah-getah jenis baru seperti epoxidised natural rubber (ENR), Cheralastic natural rubber (TPNR), dan deprotenised natural rubber (DPNR) yang mempunyai ciri-ciri getah tiruan yang dapat digunakan dalam berbagai kegunaan.

Kesungguhan Kerajaan untuk memajukan pemprosesan hiliran (down stream processes) atau pengeluaran barang-barang berasaskan getah adalah terbukti dalam Pelan Induk Perindustrian yang membentangkan strategi-strategi untuk meningkatkan lagi hasil keluaran sektor ini serta menetapkan matlamat penggunaan getah asli tempatan ke paras 300,000 tan metrik menjelang tahun 1995. Untuk meningkatkan aktiviti pengilangan barangan getah, Kerajaan telahpun menyediakan

berbagai-bagai jenis kemudahan dan insentif kepada pelabur-pelabur tempatan dan asing yang berminat menceburkan diri dalam aktiviti hiliran.

Kemudahan-kemudahan sokongan teknikal kepada industri-industri berasaskan getah disediakan melalui Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Getah Malaysia (MRRDB) dan badan-bahan, seperti Instituit Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM) dan Persatuan Penyelidikan Pengeluar-pengeluar Getah Malaysia (MRPRA). MRRDB juga menyediakan maklumat-maklumat mengenai pasaran dan jenis barangan yang mempunyai potensi di pasaran. Manakala Pusat Teknologi di RRIM yang dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan teknikal bagi membantu industri berasaskan getah memberi nasihat teknikal kepada pekilang-pekilang tempatan serta menjalankan penyelidikan dengan tujuan- mempelbagaikan- penggunaan getah asli.

Di samping-menyediakan sokongan- teknikal, Kerajaan juga telah mengadakan skitrr-skim insentif yang lebih menarik bagi menggalakkan pelabur-pelabur untuk melabur dalam aktiviti hiliran. Selain daripada galakan-galakan yang diberi kepada sektor perkilangan, pengusaha-pengusaha boleh juga menjimatkan kos dalam mendapatkan bahan-bahan getah dalam negeri.

Hasil daripada pemberian galakan, sektor pengilangan barangan iaitu sektor pengilangan barangan getah telah mencatatkan pertumbuhan yang menggalakkan dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Peningkatan pemprosesan bahan getah ataupun bahan mentah iai untuk mengeluarkan barangan getah dapat dilihat daripada penggunaan tempatan getah yang kian meningkat. Jumlah penggunaan

tempatan getah telah meningkat daripada 68,357 tan metrik pada tahun 1981 kepada 87,619 tan metrik pada tahun 1987. Bagi tahun 1988 sektor pengilangan barangan getah dijangka terus meningkat melebihi 100,000 tan metrik pada tahun ini. Ini menunjukkan kemajuan menarik yang telahpun dicapai dalam pemprosesan hiliran barang-barang berasaskan getah yang bermutu dan tinggi nilai tambahnya (value-added) yang kebanyakannya untuk pasaran eksport.

RANCANGAN TELETON ANJURAN RTM

11. Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bayaran perlu dibayar kepada Syarikat Telekom Malaysia atas panggilan-panggilan telefon dibuat semasa RTM melancarkan Telethon pada 11.9.88. Adakah nama, nombor kad pengenalan dan alamat: penderma-penderma yang membuat panggilan telefon itu dicatatkan, jika ada, mengapa tidak bekerjasama dengan RTM untuk memberi peringatan kepada mereka yang berjanji untuk menderma, supaya menunai janji.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat [Tuan Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bagi Menteri yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Syarikat Telekom Malaysia Berhad (STM)" tidak mengenakan apa-apa bayaran kepada panggilan-panggilan" yang dibuat semasa' Rancangan Telethon anjuran Radio Televisyen Malaysia mulai pukul 7.00 pagi 11hb. September sehingga 7.00 pagi 12hb. September., 1988. STM juga, menyediakan 300 talian telefon di Pusat Dagaagan Dunia Putra dan Angkasapuri secara percuma dan menanggung kos pemancaran dan penerimaan rancangan. khas melalui satelit. Adalah dianggarkan bahawa kos yang terlibat bagi menyediakan kesemua kemudahan-kemudahan ini berjumlah \$100,000.

Berhubung dengan soalan tentang catatan nama, nombor kad pengenalan dan sebagainya, saya tidak dapat memberikan penjelasan kerana tugas itu tertakluk di bawah 'Urusetia Telethon 88' yang ditubuhkan oleh Kementerian Penerangan.

Tuan A.K. Sivalingam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apabila telefon pelanggan dipotong perkhidmatan kerana tidak bayar, perlukah pihak Telekom memberitahu bahawa perkhidmatan berhenti sementara apabila seseorang telefon pelanggan itu?

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa itu soalan lain Yang Berhormat.

Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih: Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan soalan saya tadi, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat berapakah kutipan derma Spocsts Aid yang sudah diterima daripada mereka yang sudahpun buat berjanji akhir-akhir ini sebab apa, maksud saya yang saya kata tadi ini seolah-olah macam tidak ada koordinasi antara dua jabatan yang berkenaan. Inilah sebabnya mereka yang telahpun berjanji menderma tidak menghulurkan derma, mereka kata mungkin nama dia tidak ada tersiar dalam TV maka dia tidak bayar. Jadi, ini yang hendak tahu sama ada juga Kementerian ini diberi peringatan kepada mereka yang sudah berjanji untuk menderma,

Tuan Peter Chin Fah Kui: Minta maaf, saya tidak dapat menjawab soalan itu sebab semua bantuan yang diberikan melalui Telethon ini adalah di bawah Kementerian Penerangan. Saya rasa eloklah soalan ini ditujukan kepada mereka yang berkenaan.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen setuju bahawa Telethon yang telah dianjurkan baru-baru ini telah menjadi satu ajaran yang

baik kepada kita. Ia telah menjadikan malu kepada masyarakat kita kerana kebanyakan penderma-penderma yang panggil melalui telefon kalau menurut laporan-laporan akhbar mereka menggunakan nama-nama yang palsu dan adakah Kerajaan bercadang pada masa akan datang supaya ini tidak akan berlaku lagi yang akan menjejaskan maruah dan-nemalukan masyarakat kita semua?

Tuan Peter Chia Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini juga berkait dengan Kementerian Penerangan sebagai Kementerian yang menubuhkan Telethon ini dan dari segi Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos mereka cuba menolong menjalankan tugas itu sahaja.

METER ELEKTRIK DI RUMAH KEDIAMAN - KEKURANGAN

12. Dr. Tan Chong Keng minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:-

- (a) mengapakah didapati satu kekurangan alat meter elektrik untuk bekalan elektrik kepada rumah-rumah kediaman atau rumah kedai;
- (b) memandangkan Lembaga Letrik Negara melaporkan keuntungan:-
 - (i) adakah Lembaga ini sudi membuat rancangan supaya menurunkan kadar bayaran bekalan elektrik ke rumah-rumah kediaman; dan
 - (ii) juga memberikan perkhidmatan bekalan elektrik dengan voltan yang mencukupi ke kawasan-kawasan kampung.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, izinkan juga saya menjawab soalan ini bagi pihak Menteri Tenaga, Telekom dan Pos.

Tuan Yang di-Pertua, jawapan adalah seperti berikut:

- (a) Lembaga Letrik Negara telah dan sedang berusaha untuk mengatasi masalah kekurangan meter di daerah-daerah. Sebanyak 40,000 meter telah dipesan daripada pembekal seberang laut dan di samping itu dua kilang tempatan dapat membekal keperluan bulanan dengan sepenuhnya. Dengan tindakan-tindakan ini, Lembaga Letrik Negara menjangka masalah kekurangan meter dapat diatasi sebelum akhir Disember tahun ini.
- (b) (i) Kerajaan sentiasa memberi perhatian ke atas kadar tarif elektrik di negara ini dan Lembaga Letrik Negara kini sedang menjalankan kajian ke atas kadar-kadar elektrik kediaman. Hasil kajian itu akan dikemukakan kepada Kerajaan untuk pertimbangan sewajarnya.
- (ii) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini sedar bahawa ada kawasan-kawasan kampung yang mengalami masalah elektrik voltan rendah. Ini timbul kerana ada kawasan-kawasan yang terletak jauh daripada stesen pencawang utama atau talian penghantar ke kawasan berkenaan merupakan talian yang kecil. Adalah menjadi objektif Lembaga Letrik Negara untuk membekalkan elektrik dengan voltan yang mencukupi kepada semua pengguna. Namun demikian, pelaksanaan objektif ini melibatkan peruntukan kewangan yang besar

dan Lembaga Letrik Negara hanya dapat melaksanakan rancangan ini mengikut keutamaan Lembaga Letrik Negara.

Dr. Tan Chong Keng: Tuan Yang- di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu sama ada adakah benar atau tidak ada sesuatu syarikat yang membekalkan alat meter elektrik kepada pihak Lembaga Letrik Negara yang sudahpun berjanji membekalkan alat-alat meter elektrik import daripada seberang laut tetapi sebenarnya sudahpun membekalkan alat buatan tempatan sebagai gantian dan kes ini sudah didakwa di mahkamah. Saya ingin tahu apakah perkembangan kes itu. Terima kasih.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, minta maaf Yang Berhormat, saya tidak ada apa-apa maklumat tambahan tentang ini. Oleh sebab itu saya akan serahkan pertanyaan Yang Berhormat kepada Kementerian berkenaan.

ROMBONGAN GALAKAN PELABURAN -PERBELANJAAN

13. Tuan Hassan bin Nam minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan seperti berikut:-

- (a) jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA), Perbadanan-Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri, Kerajaan-kerajaan Negeri dan Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah bagi mengadakan rombongan dagangan ke luar negeri di antara tahun 1985 hingga Oktober 1988; dan

- (b) jumlah pelaburan sebenar yang masuk dari luar negeri ke negara ini hasil dari rombongan tersebut di atas serta bilangan pekerjaan yang telah dapat diwujudkan untuk rakyat tempatan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian

[Tuan M.G. Pandithan]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA), Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri bagi mengadakan rombongan galakan pelaburan ke luar negeri di antara tahun 1985 hingga Oktober 1988 adalah seperti berikut:-

| | |
|--|------------------|
| Kementerian Perdagangan dan Perindustrian | - \$1,657,227.90 |
| Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) | - \$ 797,016.65 |
| Perbadanan-Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri | - \$1,917,815.00 |

- (b) Berdasarkan pada kajian yang dijalankan oleh MIDA untuk menentukan kemajuan peringkat pelaksanaan projek-projek perkilangan yang telah diluluskan, jumlah pelaburan asing dan peluang pekerjaan yang wujud untuk rakyat tempatan bagi projek-projek yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:-

| Tahun | Pelaburan (juta) | Peluang Pekerjaan (orang) |
|-------|---------------------|------------------------------|
| 1985 | \$ 578.9 | 42,025 |
| 1986 | 31,500.5 | 34,485 |
| 1987 | \$2,007.1 | 57,351 |

Kajian ini tidak meliputi projek-projek yang diluluskan bagi tempoh bulan Januari hingga Oktober 1988. Projek-projek ini hariya akan dikaji dalam penyiasatan yang akan dijalankan pada akhir tahun 1988.

MERINYU KESIHATAN - TAMBAHAN

14. Tuan Azumu bin Tak minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada jumlah Merinyu Kesihatan akan ditambah di Kementerian tersebut supaya dapat memeriksa tempat-tempat menyediakan makanan dengan lebih kerap lagi. Jika akan ditambah, beberapa ramai dan bilakah rekrutmen akan mula dibuat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dr. Ting Chew Peh]: Tuan Yang di-Pertua, nama jawatan Merinyu Kesihatan telahpun ditukarkan kepada nama Inspektor Kesihatan. Kementerian Kesihatan memang ada perancangan untuk menambah bilangan Inspektor Kesihatan setiap tahun untuk mengisi kekosongan. Pengambilan pelatih baru yang akan dibuat pada bulan Julai 1989 nanti ialah seramai 24 orang. Di samping itu, seramai 37 orang telah tamat dan dilantik sebagai Inspektor Kesihatan pada bulan September, 1988.' Sementara itu, 47 orang Inspektor Kesihatan Pelatih akan tamat latihan dalam tahun 1989 dan seramai 29 orang dalam tahun 1990.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Azman Atar bin Othman.

Puan Habidah binti Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 15.

LESEN PENGANGKUTAN

15. Puan Habidah binti Jusoh [di bawah S.O. 23(2)] minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:-

- (a) berapa banyakkah lesen pengangkutan/lesen pembawa Kelas A yang telah dikeluarkan sehingga Jun, 1988;
- (b) berapa banyakkah yang berjaya, yang gagal dan yang ditarik balik; dan
- (c) apakah punca-punca yang menyebabkan mereka gagal dalam perusahaan berkenaan,

Timbalan Menteri Perusahaan Awam [Tuan Haji Daud bin Dato'

Haji Taha]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga bulan Jun 1988, Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan di bawah Kementerian Perusahaan Awam telah mengeluarkan sejumlah 23,467 lesen pembawa A. Saya tidak dapat memberi gambaran yang tepat mengenai kejayaan atau kegagalan, pemegang-pemegang lesen pembawa A yang telah diluluskan, Ini adalah kerana kesukaran dalam membuat pengukuran atau piawaian yang dapat menentukan sama ada seseorang pengusaha itu berjaya atau tidak. Walau bagaimanapun, sekiranya dilihat dari jumlah kenderaan yang dilesenkan serta jumlah yang sedang beroperasi, adalah dianggarkan kira-kira 80% pemegang-pemegang lesen telah mengusahakan perniagaan mereka dengan jayanya.

Bagi makluman, Ahli Yang Berhormat jumlah lesen pembawa A yang telah ditarik-balik oleh Lembaga-Perlesenan Kenderaan Perdagangan sehingga Jun, 1988 adalah 294 lesen. Lesen-lesen yang telah ditarik balik oleh Lembaga adalah kerana pemegang-pemegang lesen telah melakukan kesalahan-kesalahan tertentu seperti melanggar syarat-syarat lesen.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, perusahaan pengangkutan seperti juga lain-lain perniagaan adalah tertakluk kepada berbagai risiko yang mungkin menjajaskan sesuatu perniagaan itu. Dari maklumat-maklumat yang diperolehi daripada pemegang-pemegang lesen yang telah dibatalkan, sebab-sebab utama kegagalan adalah kerana masalah pengurusan perniagaan, masalah modal dan masalah mendapatkan pelanggan-pelanggan. Di dalam beberapa tahun kebelakangan ini semasa negara mengalami kemelesetan ekonomi, LPKP mendapati banyak pengusaha-pengusaha pengangkutan mengalami kesukaran kerana kekurangan permintaan perkhidmatan pengangkutan daripada sektor-sektor utama ekonomi negara.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya satu soalan kepada Timbalan Menteri berkenaan iaitu sebanyak 294 lesen yang telah ditarik balik ini, apakah dibuat dengan lesen itu? Adakah mereka yang telah dibatalkan lesennya oleh kerana masalah-masalah yang patut dipertimbangkan boleh mendapat balik lesen mereka? Yang kedua, apabila telah ditarik balik, apakah boleh ditimbangkan untuk permohonan-permohonan kepada yang baru?

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, mereka memang berhak merayu, Mereka yang telah ditarik balik lesen boleh merayu dan sekiranya mereka boleh memberi bukti-bukti dan penjelasan-penjelasan yang terbaik, maka kemungkinan lesen itu boleh dikembalikan semula kepada mereka. Kepada lesen-lesen yang telah tetap ditarik balik, lesen-lesen baru sentiasa diberikan kepada permohonan-permohonan baru selagi lesen-lesen ataupun kelas lesen-lesen itu belum dibekukan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 16 hingga 43 adalah

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG KESATUAN SEKERJA (PINDAAN)****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Bahawa Rang" Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (13hb Disember, 1988)

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Ahli Yang Berhormat Senator C. Krishnan untuk menyambung ucapan beliau semalam. Dipersilakan Yang Berhormat.

3.36 ptg.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua Undang-undang Buruh tidak boleh tetap. Ini memerlukan perubahan selaras dengan keadaan sosio-ekonomi. Oleh sebab itu Kerajaan telah membawa pemindaan ini supaya beberapa aspek dapat dibetulkan mengikut kehendak-kehendak pada masa ini.

Saya sedia maklum bahawa untuk kita menggalakkan pelaburan dari luar negeri undang-undang baru ini sangatlah penting kerana sekiranya undang-undang ini tidak diterima oleh pelabur-pelabur asing kita akan menghadapi masalah atas pelaburan-pelaburan. Keduanya, Undang-undang Buruh hendaklah menyumbang kepada paras kos pengeluaran yang munasabah memandangkan bahawa jika kos terlalu tinggi, barangan keluaran negara akan kehilangan keupayaan untuk bersaing di pasaran antarabangsa. Pada keseluruhannya, untuk memudahkan pelaksanaan, Undang-undang Buruh mesti ada unsur flexibility. Oleh sebab itu saya menyokong penuh atas pindaan ini dan amat tertarik hati kerana sebelum pindaan ini dibentangkan di dalam Parlimen, beberapa

mesyuarat telahpun diadakan dengan pemimpin-pemimpin kesatuan sejak dari tahun 1985.

Pada 1988 satu Jawatankuasa pada peringkat Menteri yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telahpun diadakan beberapa mesyuarat untuk mengkaji dan membuat perakuan-perakuan tertentu mengenai dengan pindaan-pindaan yang perlu dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan ini adalah perlu bagi tujuan-tujuan untuk mencapai matlamat yang dihasratkan oleh Kerajaan. Ketika membentangkan pindaan ini Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh dengan jelasnya telah memberitahu Dewan ini bahawa tujuannya ialah bagi meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kos buruh.

Dan juga apabila kita dengan telitinya mengkaji pindaan-pindaan **ini**, kita akan dapati bahawa pindaan-pindaan ini tujuannya cuma untuk menghapuskan kesamaran dan menjelaskan maksud-maksud peruntukan-peruntukan tertentu dan melonggarkan peruntukan-peruntukan yang ber-corak ketat, itaupun dengan izin, rigid.

Pindaan-pindaan yang bertujuan untuk memperbaiki pentadbiran dan penguatkuasaan Undang-undang Buruh telah dengan telitinya kita nampak di dalam beberapa aspek di mana untuk kenaikan yuran ahli pada masa dahulu ada beberapa masalah. Dari pindaan undang-undang sekarang iai, pihak kesatuan tidak akan menghadapi beberapa masalah yang mereka menghadapinya pada masa-masa dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan di dalam Dewan ini pada hari semalam, saya sungguh-sungguh berharap pihak kesatuan-dan majikan mestilah ada perhubungan baik demi meningkatkan. pengeluaran", produktiviti, demi persefahaman dan demi kebaikan negara. Sekiranya tidak ada satu persetahaman di antara majikan dan kesatuan sekerja, ini tentulah akan menjejaskan produktiviti dan juga nama baik negara di luar negeri. Oleh sebab itu, mengikut kehendak masa ini Kerajaan telahpun membentangkan satu pindaan,

Saya dengan sukacitanya menerima pindaan-pindaan ini. Dengan kata-kata **ini**, saya menyokong penuh suatu Akta bagi meminda Akta Kesatuan Sekerja 1959. Sekian dan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Tuan Abdul Hamid Araby.

3.42 ptg.

Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang bernama satu Akta untuk meminda Akta Kesatuan Sekerja 1959.

Saya sebagai salah seorang bekas pemimpin kesatuan sekerja yang pernah berkecimpung di dalam bidang kesatuan sekerja selama 20 tahun iaitu dari tahun 1960 sehingga tahun 1980, berasa kagum dan hairan sungguh kerana Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad telah memberikan kebenaran kepada Kementerian Buruh untuk mengemaskinikan dan meminda 12 Fasal dalam Rang Undang-undang Kesatuan Sekerja, semata-mata untuk memberikan keselesaan, kemudahan dan kesenangan serta kelonggaran beberapa syarat yang membolehkan perjalanan kesatuan sekerja lebih licin lagi teratur.

Fasal 2 dan Fasal 3, gelaran bagi Pengarah-pengarah Perhubungan Perindustrian dan Kesatuan Sekerja ditukar kepada Ketua Pengarah bagi Perhubungan Perindustrian dan Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja dan gelaran bagi pegawai-pegawai yang lain di bawahnya juga ditukar dan ditinggikan martabatnya. Ini juga patut dialu-alukan dan penghargaan diberikan kepada mereka. Tetapi Kementerian Buruh patut jaga mengubahsuaikan serta mengemaskinikan pejabat-pejabat Pendaftar Kesatuan Sekerja yang sudah usang dan lapuk yang kurang menyenangkan pekerja-pekerja serta pelawat-pelawat yang datang ke pejabat tersebut untuk urusan kesatuan sekerja.

Contohnya, di Pulau Pinang, pejabatnya terletak di tingkat atas sebuah bangunan lama di Jalan Sultan Ahmad Shah dan di tingkat bawah pula terletak Pejabat Pendaftaran Kad Pengenalan. Kerusi-meja dan

kipas anginnya perlulah ditukar dan berilah satu baru yang boleh dikatakan menambahkan sedikit keselesaan. supaya kita dapat menambahkan semangat baru kepada pekerja-pekerja di situ. Saya amat sedih apabila saya pergi melawat dan berjumpa pegawai-pegawai di situ tetapi tidak pernah pula pegawai-pegawai itu bersungut. Saya tak tahulah sama ada keadaan suasana seperti itu juga ada berlaku di tempat-tempat atau di negeri-negeri lain.

Saya terpaksa sebutkan perkara itu di sini kerana lazimnya adat baru Adam, yakni insan, kalau ada kekurangan, iai juga akan memberikan suatu kesan atau tidak membawa galakan yang tidak memberikan satu semangat untuk bersungguh-sungguh bekerja sekiranya keadaan sekeliling, environment ataupun atmosphere, dengan izin, tidak begitu sihat. Dari air muka mereka kita dapat lihat muram selalu dan dari segi psikologi pula sudah tentu akan timbul perasaan marah dan frustasi. Patut dan haruslah kita berterima kasih kepada Pegawai-pegawai Pendaftar Kesatuan Sekerja yang selalu memberikan nasihat serta memujuk pegawai-pegawai kesatuan sekerja yang lain, yang selalu membawa masalah kepada mereka. Biasanya masalah itu banyak yang tidak puas hati daripada yang puas hati. Pernah juga mereka datang berjumpa Pegawai Pendaftar Kesaduan, bertanya apakah caranya kami hendak mogok dan sebagainya. Jadi pegawai-pegawai itu memainkan peranan penting. Mereka menasihatkan pegawai-pegawai kesatuan sekerja yang datang itu supaya tidak bertindak secara kasar atau melulu dan kerap kali nasihatnya itu diterima. Mereka juga sering dinasihatkan supaya menjadi rakyat yang berguna dan berterima kasih kepada nikmat yang diterima di bawah pemerintahan yang ada sekarang dan tidak harus menerima hasutan musuh-musuh Kerajaan. Inilah kerap kali nasihat-nasihat yang diberikan.

Menyentuh Fasal 4, saya ingin tahu sama ada dua kesatuan sekerja yang sedang mewakili pekerja-pekerja dalam satu jabatan boleh disatukan supaya tidak timbul masalah yang bukan-bukan, yang menyusahkan majikan dan mewujudkan permusuhan di antara pekerja-pekerja. Perkara ini saya tujukan kepada Kementerian Buruh.

Contohnya ada, Tuan Yang di-Pertua, di Jabatan Pengangkutan Majlis Perbandaran. Pulau Pinang di mana pekerjanya adalah lebih kurang 400 orang sudah ada dua kesatuan sekerja. Pertama, Kesatuan Sekerja Pengangkutan Majlis Perbandaran (city Council Transport: Workers Union) dan satu lagi Kesatuan Perkhidmatan Perbandaran Pulau Pinang atau Penang Municipal Services Union (PMSU).

Jabatan Pengangkutan ini rugi tiap-tiap tahun di antara \$2 juta ke \$3 juta mahupun laluan adalah di jalan-jalan yang baik, bas-basnya itu boleh mengangkut penumpang yang banyak yang boleh memberi hasil yang lumayan. Kesatuan-kesatuan ini bersaing di antara satu sama lain, pegawai-pegawainya cuba menjadi hero dan memohon kemudahan-kemudahan yang bukan-bukan kepada ahli-ahlinya, ini satu contoh. Di mana dalam satu jabatan ada dua kesatuan sekerja, Pengurus itu selalu pening kepala tidak ada satu iaitu dari segi pertolongan yang diberinya malahan syarikat-syarikat swasta mengaut keuntungan yang besar. Tetapi jabatan ini sentiasa rugi.

Fasal 6 bertujuan meminda seksyen 26(1A) itu sepatutnya pindaan dibuat awal 1980an sepertimana kita juga lihat banyak kegiatan kesatuan- sekerja- itu terlalu kasar terhadap Kerajaan. Mahupun begitu pindaan ini dibuat sekarang ini adalah baiknya juga. Tetapi yang saya harap,-harapkan di sini adalah Tuan Yang di-Pertua, apakala pindaan ini diluluskan dan digazetkan, Pendaftar-pendaftar Kesatuan Sekerja hendaklah beri notis dengan segera kepada pegawai-pegawai kesatuan yang tidak bekerja sebagai seorang pekerja yang menerima gaji dalam satu-satu kilang atau industri dan sebagainya supaya melepaskan jawatannya. Kerana kita dapati ramai yang tidak ada kaitan langsung dan tidak begitu tahu menahu hal-hal kerja di satu-satu badan itu memegang jawatan yang penting dalam kesatuan sekerja. Ada pula tokoh-tokoh kesatuan sekerja pada ketika ini ambil kesempatan hendak menjadi seorang pemimpin rakyat konon

dan kesatuan inilah digunakan sebagai batu loncatan. Sudah tentu jenis pemimpin ini kita sudah kenal. Siapa dia kita kenal. Kerana dia tidak puas hati dengan Kerajaan, dia menyebelahi pihak lawan Kerajaan, parti yang menentang Kerajaan maka dia menggunakan seberapa banyak dakyah-dakyah palsu dan mempengaruhi pula pekerja-pekerja di mana ia mewakili mereka.

Seharusnya kita juga perlu ingat pada suatu ketika dahulu, pegawai-pegawai, Pendaftar-pendaftar Kesatuan Sekerja atau pegawai-pegawai ataupun Pendaftar Pertubuhan menasihatkan mereka yang giat dalam politik agar lepaskan jawatannya dalam kesatuan sekerja. Tetapi entahlah, akhir-akhir ini kita nampak seolah-olah undang-undang itu dikendurkan seolah-olah direstui supaya mereka juga boleh ambil bahagian dalam politik dan juga dalam kesatuan sekerja. Ini haruslah diberi perhatian yang serius. Janganlah membenarkan seseorang itu memainkan peranan di kedua-dua bidang ini.

Fasal 10 yang menyentuh tentang Bahasa Kebangsaan. Saya fikir ini patut sungguhlah pindaan dibuat, mahupun terlewat sedikit tetapi tekanan perlu diberi kepada kesemua pemimpin-pemimpri kesatuan sekerja. Kerana saya pernah hadir beberapa kesatuan sekerja apakala saya hadir untuk merasmikan mesyuarat agung mereka itu, ada juga penyata-penyata, laporan mereka itu ditulis di dalam beberapa bahasa. Selain daripada itu ada juga undang-undangnya juga diterjemahkan ke dalam bahasa-bahasa lain. Tetapi ini tidaklah menjadi satu keberatan kepada saya kerana saya dapati mungkin pekerja-pekerja itu tidak begitu mahir tidak tahu membaca Bahasa

Malaysia tetapi ini sepatutnya tidaklah selepas 30 tahun merdeka mereka tidak tahu lagi bersungguh-sungguh mempelajari Bahasa Kebangsaan. Jadi ada juga dalam bahasa-bahasa lain, tetapi apakala berbahas membincang dirujuknya di dalam buku undang-undang yang diterjemahkan itu maka berucaplah hamba Allah ini dengan menggunakan hujahnya seperti mana terkandung dalam bahasa yang diterjemahkan. Ini juga harus diberhentikan. Sebab bila hal ini berlaku, saya dapati ketua-ketua kesatuan sekerja itu tidak mahu menghormati Bahasa Kebangsaannya malahan Pengerusi Majlis itu membiarkan begitu sahaja. Ada kalanya pegawai daripada Pejabat Pendaftaran Kesatuan Sekerja juga hadir tetapi duduknya senyum. Senyum kambing tidak menghiraukan. Dia pun tidak faham bahasa itu adakalanya pada hujahnya dia maki balik jabatan itu macam-macam, tetapi dia senyum. Ini saya dapati harus hal ini dihentikan. Biarlah bahasa yang dicakapkan dalam Bahasa Kebangsaan misalan semua faham hatta dalam bahasa pasar sekalipun tidak menjadi masalah kalau sekiranya dia tidak mahir dalam bahasa tetapi tidak mahu berusaha, ini sepatutnya haruslah ditekankan.

Fasal 10 ini saya juga ingin tekankan agar masa lanjutan yang diberikan itu janganlah dilanjutkan lagi. Kami dulu dalam kesatuan sekerja menghadapi banyak masalah kerana tegas sungguh pegawai-pegawai di Pejabat-pejabat Kesatuan Sekerja kerana dalam masa tertentu itu kita kemukakan iaitu Penyata Kira-kira, Laporan dan sebagainya dan kita beri masa supaya apa yang kita kemukakan itu diterima, sebelum kita adakan mesyuarat agung kita minta nasihatnya dan sebagainya.

Sekarang tempohnya diberi tiga bulan tempoh itu dilanjutkan lagi untuk kesatuan sekerja ini membuat persediaan. Janganlah pula lepas diberi tempoh lanjutan dilanjutkan lagi. Saya takut bila terlalu banyak masa lanjutan diberikan kerjanya tidak jadi dan mereka menganggap perkara ini tidak begitu serius.

Tuan Yang di-Pertua, satu berita baik yang disiarkan dalam suratkhobar pada hari ini menyatakan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah bersetuju untuk menimbangkan pelaksanaan pelarasan gaji baru bagi kakitangan awam Kumpulan A, B dan C sekurang-kurangnya bermula pada 1hb Julai, 1988 dan bukan bermula pada 1hb Januari 1989. Di sini saya menyeru agar CUEPACS dan MTUC memberi keyakinan kepada Kerajaan. Haruslah mereka bekerja kuat dalam hal memberi kepercayaan kepada pekerja-pekerjanya dan beri tahulah kepada pekerja-pekerjanya bahawa Kerajaan adalah adil dan mempunyai timbangrasa terhadap pekerja-pekerja dan ingin meninggikan taraf hidup mereka.

Apa yang ditekankan di sini adalah peningkatan daya pengeluaran dan mempertingkatkan hubungan baik majikan dengan pekerja agar tujuan asal dan matlamat kesatuan sekerja dicapai. Peranan kesatuan sekerja yang besar seperti CUEPACS dan MTUC ini adalah penting untuk membangunkan negara. Janganlah menjadi penghalang kepada kemajuan negara ini kerana Malaysia hari ini masih belum lagi menjadi satu negara perindustrian seperti Singapura. Sebabnya pekerja-pekerja ini tidak boleh memberi sokongan kuat terhadap matlamat itu. Inilah

yang kita harapkan supaya sokongan itu diberi agar mereka juga mempunyai sifat milik sendiri supaya bersungguh-sungguh menaruh kecintaannya terhadap negara. Kalau tidak, selagi itulah kita akan mundur dan tidak dapat memajukan negara ini.

Memadailah setakat ini, kerana banyak Fasal-fasal telah disentuh oleh rakan-rakan saya tadi, maka saya-mohon menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Kesatuan Sekerja 1959. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan V.K. Sellappan,
4.04 ptg.

Tuan V.K. Sellappan: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi saya peluang untuk menyokong dan membahaskan secara ringkas Akta Kesatuan Sekerja (Pindaan) 1988.

Rang Undang-undang Kesatuan. Sekerja yang disyorkan ini tidak akan membebankan sesiapa pun malahan ia memberi faedah kepada masyarakat. Akta Kesatuan Sekerja yang telah diamalkan sekarang ini tidak lagi sesuai buat masa kini di samping menghalang pelabur-pelabur asing daripada melabur di negara ini. Keadaan ini hanya merugikan kita kerana seperti yang kita sedia maklum pelaburan asing yang banyak bermakna peluang peksrjaan yang banyak juga. Maka sebab itulah Akta ini perlu diubahsuai agar semua aspek-aspek di atas dapat diambil kira. Matlamat asal sepenuh pengubahsuaian. Akta ini adalah:

- (i) meningkatkan produktiviti; dan
- (ii) menyelaraskan pendapatan pekerja-pekerja di negara ini dengan pekerja-pekerja di negara jiran .

Pindaan-pindaan yang disyorkan ini telah dikaji dengan teliti dan terperinci oleh semua pihak. Hasil daripada pindaan Akta ini adalah untuk meningkatkan ekonomi negara di samping menyediakan peluang pekerjaan yang banyak. Akta yang dipinda ini menunjukkan kepada pelabur asing bahawa di negara ini terdapat a wide force of labour, dengan izin. Oleh kerana terdapat banyak kebaikan hasil daripada pindaan Akta Kesatuan Sekerja, maka semua rakyat yang inginkan kebaikan dan kemajuan hendaklah menyokong pindaan Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, Encik Charles Gray, Pengarah Eksekutif Kesatuan Sekerja Bebas Asia/Amerika mengatakan bahawa pekerja-pekerja elektronik di Malaysia sama ada mempunyai taraf pelajaran yang rendah ataupun buta huruf. Oleh sebab itu pekerja-pekerja tidak mahu memubuhkan "in-house union", dengan izin, kerana pekerja-pekerja tidak boleh berkomunikasi dengan majikan. Jadi mereka lebih suka menjadi ahli kesatuan sekerja kebangsaan. Komen Encik Charles Gray menunjukkan bahawa pengetahuan beliau tentang negara Malaysia dan pekerja-pekerja di Malaysia khususnya pekerja-pekerja elektronik adalah cetek.

Keadaan sebenarnya adalah majikan kilang-kilang kepunyaan Amerika tidak menghalalkan penubuhan kesatuan sekerja walaupun Kerajaan kita telah membenarkan pekerja-pekerja menubuh dan menjadi ahli kesatuan sekerja. Encik Charles Gray telah memberi komen membuta tuli tanpa mengkaji dengan lebih teliti tentang taraf pendidikan dan keadaan sosial pekerja-pekerja di negara kita. Ini telah menimbulkan rasa marah di kalangan pekerja-pekerja dan Kerajaan di samping menyakiti hati mereka.

Pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja luar negeri dan dunia akan faham keadaan yang sebenarnya jika mereka melawat negara kita. Sebenarnya Encik Charles Gray tidak menyedari bahawa untuk bekerja dalam kilang-kilang elektronik pekerja telah mempunyai taraf pendidikan yang mencukupi. Di rantau Asia, pekerja-pekerja elektronik Malaysia telah menghasilkan produktiviti yang tinggi dan ini adalah kerana taraf pendidikan mereka. Berdasarkan ini saya membantah dengan sesungguhnya sikap Encik Charles Gray yang suka mengutuk dan tanpa menjalankan kajian yang terperinci serta memastikan bahawa fakta-fakta yang diperolehi olehnya betul atau tidak.

Tuan Yang di-Pertua, pekerja-pekerja ladang merupakan tulang belakang ekonomi negara. Pekerja ladang sebanyak 50% terdiri daripada kaum India, 38% kaum Melayu dan 12% kaum Cina. Pekerja-pekerja ladang merupakan nadi tunggal kepada kemajuan sesuatu ladang. Jadi Kerajaan harus melibatkan diri secara terus untuk meningkatkan taraf hidup pekerja ladang serta untuk menjaga kesejahteraan pekerja-pekerja. Kebanyakan rancangan-rancangan kemajuan yang dijalankan oleh Kerajaan tidak membawa apa-apa perubahan dalam kehidupan masyarakat pekerja ladang. Ini merupakan satu kekurangan yang amat dirasai.

Negara kita telah mencapai kemerdekaan setelah menjalankan banyak projek-projek untuk meningkatkan taraf hidup rakyat. Namun begitu kesemua faedah hasil dari rancangan-rancangan kemajuan ini dinikmati oleh penduduk-penduduk bandar dan luar bandar sedangkan pekerja-pekerja ladang tidak dapat menikmati dengan sepenuhnya kesemua faedah hasil dari rancangan-rancangan kemajuan **ini**.

Kesemua faedah yang dinikmati oleh penduduk-penduduk luar baadar patut juga diberi kepada pekerja-pekerja ladang dan Kerajaan tidak harus lagi memberi alasan tidak boleh kerana ladang-ladang itu adalah kepunyaan swasta. Umpamanya sekolah-sekolah bantuan modal haruslah dijadikan sekolah baantuan penuh dan juga menyediakan kemudahaa-kemudahan pos, telefon serta air kepada pekerja-pekerja ladang. Kerajaan juga harus memastikan bahawa skim perumahan pekerja ladang dilaksanakan. Kerajaan juga harus menyediakan kemudahan-kemudahan perubatan dan juga lain-lain kemudahan untuk membolehkan agar rancangan-rancangan kemajuan dijalankan di ladang-ladang. Kerajaan harus mengambil langkah-langkah yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, hasil kajian yang dijalankan didapati lebih 50,000 pendatang tanpa izin Indonesia diambil bekerja di ladang-ladang di seluruh negara setakat ini atas alasan mengatasi kekurangan tenaga buruh. Para majikan menggunakan alasan itu untuk mengupah pendatang tanpa izin dan mengeksploitasi tenaga mereka dengan bayaran yang jauh lebih rendah dari kadar yang disetujui oleh kesatuan. Para pemilik juga meyakinkan Kerajaan supaya mengesahkan pekerja berkenaan agar dapat terus bekerja di ladang dan dengan demikian menyumbangkan tenaga buruh yang murah. Persetujuan Kerajaan dalam soal ini sudah tentu membawa kesan besar terhadap perjanjian bersama antara pihak pekerja dengan majikan mereka pada masa depan, Ini sudah tentu tidak dapat memastikan lagi upah berpatutan kepada tenaga buruh tempatan kerana terdapat saingan dari orang-orang asing yang memotong jalan dan sanggup bekerja rapat dengan kadar upah yang rendah.

Saya tidak menolak masalah kekurangan tenaga buruh yang berlaku di ladang-ladang, bagaimanapun ini kesalahan majikan kerana kurang memberi perhatian terhadap kebajikan pekerja serta keengganan majikan membayar gaji bulan. Kekurangan tenaga buruh boleh diatasi tanpa perlu mengambil pendatang asing sekiranya pihak majikan sanggup melaksanakan skim jaminan pendapatan berasaskan gaji bulan. Gaji bulan adalah salah satu cara dalam memastikan kaum pekerja ladang diberi ganjaran adil bagi hasil titikpeluh mereka.

Saya yakin, siswazah menganggur juga sanggup bekerja di ladang-ladang kerana melalui skim gaji bulan mereka boleh mendapat bayaran gaji paling minima. Saya kesal kerana walaupun Ladang-ladang kini dimiliki oleh rakyat Malaysia sendiri, tetapi mereka menafikan hak-hak kaum pekerja. Para majikan ladang tidak-seharusnya lagi bersikap kolonial, dengan mengutamakan tenaga buruh pendatang tanpa izin yang lebih murah dan mengenyahkan pembahagian hak yang adil kepada kalangan pekerja tempatan. Kementerian berkenaan harus mengambil langkah-langkah yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong sepenuhnya Akta Kesatuan Sekerja (Pindaan) 1988 ini diluluskan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Tuan Hassan Nam.

4.14 ptg.

Tuan Hassan bin Nam: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang kepada saya untuk turut bersama mengambil bahagian bagi membahaskan berhubung dengan pindaan Akta Kesatuan Sekerja 1988, iaitu satu Akta untuk meminda Akta Kesatuan Sekerja yang mana telahpun dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh di Dewan yang mulia ini pada 13.12.88 iaitu kelmarin.

Saya mengucapkan tahniah dan syabas di atas usaha yang dijalankan oleh pihak Kementerian dan Kerajaan di negara ini yang telahpun bersama untuk menjaga kepentingan pekerja, kepentingan majikan dan juga untuk kepentingan negara bagi meningkatkan negara Malaysia ini. Dengan keadaan ini saya rasa pekerja dan juga majikan sepatutnya berterima kasih kepada Kerajaan yang begitu mengambil berat di atas usaha bagi meniggikan taraf ke tahap yang lebih baik pekerja-pekerja di negara kita ini. Oleh hal yang demikian, kita mengharapkan supaya tidak ada suara-suara sumbang yang menyatakan tidak puashati terhadap Kerajaan atau pemimpin Kerajaan yang ada pada hari ini yang mengatakan pihak Kerajaan tidak bertanggungjawab, tidak berperikemanusiaan dan berbagai-bagai lagi dilemparkan oleh golongan-golongan yang tertentu bagi kepentingan diri mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, huraian ini terutamanya Fasal 3 Akta supaya gelaran Pendaftar Kesatuan Sekerja ditukarkan kepada Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja. Ini rasa saya memanglah sesuai dengan adanya pindaan-pindaan ini. Sepatutnya pindaan-pindaan yang seumpama ini dapat disesuaikan Akta ini dari satu masa ke satu masa.

Fasal 4 iaitu seksyen 12(2) ialah berkenaan kuasa Ketua Pengarah menolak pendaftaran sesebuah kesatuan yang lain dan saya menyokong penuh pindaan ini. Kita tidak mahu di dalam satu-satu syarikat swasta atau di satu-satu perindustrian dan sebagainya 2,3 kesatuan sekerja diwujudkan kerana dengan keadaan ini akan bercanggah dan satu kesatuan sekerja yang lain menuntut. Sepatutnya dalam sesuatu perindustrian jika ada keadaan seperti ini, saya rasa pihak Kerajaan telahpun meneliti akan keadaan ini dan mengelakkan supaya perkara-perkara yang seumpama ini tidak berlaku. Ini ada

berlaku di masa yang telah lalu dalam satu-satu syarikat ataupun satu-satu perusahaan itu banyak sangat kesatuan-kesatuan yang mendesak itu dan ini hinggakan pihak Kerajaan tidak dapat tahu mana yang benar dan mana yang tidak.

Fasal 5 bertujuan meminda seksyen 15(2) untuk menentukan supaya pihak Ketua Pengarah menyisih daripada daftar keanggotaan pekerja dalam mana perdagangan atau pekerjaan di industri yang dinyatakan di sini. Keadaan ini juga berlaku di masa-masa yang lalu dan dengan pindaan ini tidak akan berlaku lagi.

Seksyen 26(1A), saya bersetuju dengan pandangan-pandangan dan pendapat-pendapat Ahli Yang Berhormat yang berucap sebelum daripada saya supaya tiap-tiap kesatuan sekerja ini tidak mengambil orang luar daripada kesatuan itu sendiri untuk menjadi sama ada Presiden, Setiausaha dan pegawai yang lain. Ini bagi mengelakkan perkara-perkara yang telah berlaku pada tahun-tahun yang lalu dalam negara kita ini yang mana setiap kali ada persidangan-persidangan kesatuan sekerja ini di luar negeri setiap tahunlah kita dengar pihak-pihak yang berkenaan memburuk-burukkan keadaan yang ada di dalam negara kita ini. Oleh hal yang demikian, pihak Kerajaan tidak ada tindakan yang diambil hanya kalau suratkhbar-suratkhbar mendesak itu dan ini, tetapi dengan adanya seksyen ataupun pindaan ini, kita harap pihak Kerajaan jikalau sekiranya di masa yang akan datang kesatuan-kesatuan sekerja ini ataupun sesiapa yang dibenarkan untuk ke luar negeri menghadiri persidangan-persidangan supaya dinasihatkan sedikit kepada mereka apabila membuat ucapan mestilah terlebih dahulu mereka ini sebelum ke luar negeru supaya mereka ini membuat deraf ucapan itu diserahkan kepada Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja untuk disemak kerana kita tidak mahu apa yang dikatakan di sini, di luar negeri lain.

Saya mencadangkan juga kalau sekiranya perkara ini berlaku lagi, kita mengharapkan, iaitu sebelum ini kita telahpun meluluskan (Pindaan) Akta Imigresen, jika sekiranya perkara ini berlaku juga kita mengharapkan pihak berkenaan, apabila balik sahaja mereka dari luar negeri daripada menghadiri persidangan, patut pihak Imigresen menahan mereka ini di lapangan terbang, disoal siasat terlebih dahulu. Jikalau benar-benar perkara ini berlaku, bolehlah pihak Kerajaan mengambil tindakan sewajarnya dan di samping itu juga di negara-negara luar kita ada kedutaan di sana. Pegawai kita telah ditugaskan di sana supaya mereka ini mengawasi siapa sahaja yang memberi pandangan yang tidak betul terhadap negara Malaysia ini supaya dihantar dengan seberapa segera teleks ke negara ini dan tindakan yang saya sebutkan tadi dapat diambil. Kerana kita tidak mahu dalam negeri kita ini ada manusia-manusia untuk mendapatkan kepentingan diri mereka sendiri sahaja tanpa memikirkan keselamatan di dalam negara Malaysia ini.

Seksyen 28 mengurangkan daripada 3 tahun ke setahun. Ini saya rasa juga amat dialu-alukan kerana dengan keadaan ini kita dapat membanyakkan lagi kesatuan sekerja dan akan menonjolkan orang-orang ataupun pegawai-pegawai yang boleh membawakan masalah-masalah bukan untuk masalah diri mereka sendiri tetapi masalah di dalam kesatuan mereka itu.

Seksyen 38(3), saya rasa semua mengakui dan menyetujui tentang peraturan baru ini iaitu peraturan kesatuan sekerja mestilah dibuat dalam dalam Bahasa Malaysia, Bahasa Kebangsaan. Dalam keadaan ini saya mencadangkan supaya pihak Kerajaan juga dapat

menterjemahkan Akta Kesatuan Sekerja 1959 ini iaitu naskah yang sah bahasa Inggeris, supaya dapat diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia. Dalam Keadaan ini, tidak akan bercanggah dengan Fasal 10, seksyen 38(3), iaitu dengan undang-undang dan juga peraturan kesatuan sekerja yang kita akan pinda ini,

Mengenai kenaikan yuran, saya tidaklah begitu setuju dengan cadangan ini kerana kemungkinan dengan menaikkan yuran, hak untuk mengundi ini akan disalahgunakan oleh kesatuan-kesatuan nanti kerana kita tahu, banyak kesatuan-kesatuan ini apabila wang yang banyak, penyelewengan kemungkinan akan berlaku. Dengan keadaan ini apabila kesatuan-kesatuan itu nanti kekurangan wang dia akan menaikkan yuran dan selepas itu dengan wang-wang ini, kita takut akan disalahgunakan. Dalam keadaan ini sepatutnya pihak Kementerian dapat mengkaji di dalam kenaikan yuran itu, yang di katakan di dalam kurungan (c) ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita harap juga- supaya pihak kesatuan sekerja hendaknya janganlah sewenang-wenangnya, dengan adanya Kerajaan telahpun bersama-sama dengan kesatuan sekerja, supaya kesatuan sekerja juga mengambil kira di atas kepentingan orang ramai dan negara kita. Kita tidak mahu iaitu apabila kesatuan-kesatuan tidak berpuas hati dengan majikan dan seterusnya diadakan mogok dengan diberikan notis yang begitu singkat, sedangkan ini selalu berlaku, umpatnanya kepada syarikat-syarikat bas yang tiba-tiba pihak pekerjaanya mengadakan mogok dan sebagainya. Kita pun tidak tahu, suratkhbar pun tidak tahu, orang ramai pun tidak tahu tarikh pemogokan itu akan bermula sehingga banyak penumpang-penumpang tidak

tahu kesatuan bas itu menjalankan mogok, maka tergendala begitu ramai orang-orang yang tidak dapat naik bas dan sebagainya. Dengan keadaan ini kita mengharapkan juga apabila kesatuan berkehendakkan membuat sesuatu mogok haruslah memberi tahu kepada Ketua Pengarah terlebih awal dan Ketua Pengarah atau pihak Kerajaan memberitahu kepada umum, kerana dengan keadaaa ini saya rasa pihak-pihak yang lain tidak akan dapat menanggok di air keroh yang selalunya akan meyalahkan kepada satu-satu pihak.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal ini juga kita mengharapkan majikan supaya bekerjasama dengan pihak kesatuan sekerja kerana, kata pepatah Melayu, majikan dan pekerja itu adalah sebagai "aur dengan tebing" iaitu tolong menolong antara satu dengan lain. Dengan tidak adanya majikan, tidak adanya pekerja, dengan tidak adanya pekerja, tidak adanya majikan. Dengan itu dalam keadaan ini mestilah kedua-duanya bekerjasama di antara satu sama lain di samping panduan yang diberi oleh pihak Kerajaan. Dengan keadaan ini dalara negara ini, lebih-lebih lagi negara kita ini sedang membangun, yang memerlukan ramai pekerja-pekerja dan memerlukan keperluan pengeluaran yang lebih banyak, di samping itu juga kita memerlukan pelabur-pelabur asing supaya mereka ini tidak keluar daripada negara ini untuk melabur ke negara-negara lain disebabkan keadaan kesatuan sekerja yang tidak betul, majikan yang tidak betul dan pihak-pihak yang tidak betul. Dengan ini kemungkinan pihak-pihak pelabur tidak datang ke negara kita ini dan dengan keadaan ini sekali lagi saya menyarankan kepada pihak-pihak yang berkenaan supaya perkara yang telah sudah itu, sudahlah, yang akan datang ini supaya berhati-hati.

Hendaknya janganlah berbuat sesuka hati dan dengan sengajanya demi kepentingan diri sendiri dan memburukkan negara kita sendiri.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong sepenuhnya Akta ini supaya dapat diluluskan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan P. Balaram.

4.27 ptg:

Tuan P. Balaram: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana diberi peluang kepada saya untuk turut membahas dalam satu Rang Undang-undang yang mana saya sifatkan sangat penting kerana Rang Undang-undang ini adalah mempunyai kaitan yang rapat dan penting dengan produktiviti dalam negara kita dan seterusnya ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, pembentangan-Rang Undang-undang ini adalah sangat sesuai dan kena pada masanya kerana negara kita setelah mengalami kemerosotan ekonomi beberapa tahun ini barulah sedang pulih dan ekonomi kita sedang bertambah baik. Akibatnya kita dapati pelabur-pelabur asing menumpukan perhatian mereka dan menunjukkan minat mereka terhadap negara kita. Oleh yang demikian, saya ucapkan tahniah dan ingin memuji Menteri Buruh kerana dapat mengadakan satu pindaan yang baik yang mana akan menolong mewujudkan iklim pelaburan yang baik di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa Kerajaan terpaksa berjaga-jaga untuk membawa pindaan ini kerana jika Kerajaan 'over protect', dengan izin, pekerja-pekerja maka usaha-usaha Kerajaan kita untuk menarik pelabur-pelabur luar akan gagal, begitu juga kalau terlalu banyak kemudahan-kemudahan diberi kepada pelabur-pelabur pula, maka pekerja-pekerja akan mengalami

kesusahan. Oleh yang demikian, Kerajaan terpaksa strike a balance, dengan izin, di antara pekerja-pekerja dan majikan-majikan supaya kedua-dua pihak ini berpuas hati dengan apa jua pindaan yang Kerajaan buat kepada undang-undang yang bersangkutan-paut dengan pekerja-pekerja. Saya berasa gembira kerana Yang Berhormat Menteri Buruh berjaya dalam usahanya untuk memuaskan semua pihak yang terlibat iaitu pekerja-pekerja, majikan-majikan dan juga kesatuan-kesatuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapat tahu Yang Berhormat Menteri telahpun mengadakan beberapa perjumpaan dan rundingan dengan pihak pekerja dan juga majikan sebelum dapat beliau mengemukakan pindaan-pindaan ini ke Dewan yang mulia ini. Dalam perjumpaan-perjumpaan dan perbincangan itu, saya fahami semua pihak yang terlibat dapat membincangkan segala aspek yang penting dengan secara detail" sehingga tiap-tiap pihak itu menyatakan kepuashatian mereka. Ini adalah satu usaha yang baik dan konkrit ke arah mencapai persetujuan dan perpaduan di antara pihak-pihak terlibat. Pihak-pihak yang terlibat itu berasa bangga kerana mereka ini dihormati dan diberi peluang berunding sebelum pindaan-pindaan yang berhubung dengan bidang-bidang kerja mereka itu diwujudkan.

Tuan Yang di-Pertua, apabila pindaan-pindaan dibuat kepada undang-undang yang sedia ada, maka Kerajaan tidak boleh memuaskan semua pihak yang terlibat 100%, mungkin ada pihak-pihak yang kurang puas. Saya merayu pihak-pihak yang kurang puas itu supaya terimalah pindaan-pindaan ini dengan ikhlas hati kerana pindaan-pindaan ini dibuat dengan tujuan yang ikhlas untuk membawa keharmonian perusahaan yang mana merupakan unsur yang penting untuk menarik pelabur-pelabur ke negara kita.

Pekerja-pekerja di negara kita tidak boleh dan saya rasa tidak patut mengikut cara-cara dan taktik-taktik yang diikuti oleh pekerja-pekerja di negara-negara Barat untuk membaiki keadaan pekerjaan mereka dan meninggikan lagi pendapatan mereka. Kita telah melihat beberapa permogokan di negara-negara Barat yang dilancarkan oleh pekerja-pekerja di negara-negara itu, Permogokan-permogokan

itu telah melumpuhkan ekonomi negara-negara itu serta juga menyebabkan beberapa kesulitan dan kerumitan. kepada orangramai. Adakah tindakan-tindakan begitu perlu di negara kita?

Saya berasa bangga kerana pekerja-pekerja kita di negara kita serta pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja negara kita adalah orang-orang yang sangat bertanggungjawab dan tidak mengikut jejak langkah pekerja-pekerja dan pemimpin-pemimpin di negara-negara Barat. Mereka turut berganding bahu dengan Kerajaan kita untuk meningkatkan produktiviti negara kita serta membangunkan ekonomi negara kita. Sikap bekerjasama dan memberi sokongan. kepada Kerajaan oleh pekerja-pekerja serta kesatuan-kesatuan mereka adalah sangat penting kepada negara kita, lebih-lebih lagi negara kita kini dalam proses menjadi Newly Industrialised Country (NIC), dengan izin, dan tidak lama lagi negara kita akan dilimpahkan dalam senarai NIC di rantau ini bersama-sama dengan negara-negara seperti Singapura, Jepun, Korea dan Taiwan. Sikap pekerja-pekerja dan kesatuan-kesatuan ini adalah satu perkara yang akan disanjung tinggi oleh masyarakat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Buruh kita mengumumkan bahawa pemogokan-pemogokan telahpun bertambah kurang di negara kita. Pencapaian ini dengan jelas menunjukkan bahawa pekerja-pekerja dan kesatuan-kesatuan mereka telahpun. memainkan peranan yang constructive dan malang dalam pembangunan negara. Saya yakin majikan-majikan di negara kita akan sedar bahawa perubahan sikap pekerja-pekerja dan kesatuan-kesatuan ini akan mengakibatkan pertambahan pengeluaran dan. keuntungan yang lebih tinggi bagi perusahaan-perusahaan mereka. Akan tetapi dalam apa jua organisasi kita, kita terdapat segelintir orang yang sengaja menimbulkan

kekacauan dan mengkritik Kerajaan. Saya cadangkan kepada Kerajaan supaya mengambil tindakan tegas terhadap orang-orang yang kurang bertanggungjawab itu.

[Timbalan. Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Yang di-Pertua, adalah diingatkan kepada semua pihak yang terlibat bahawa pindaan kepada undang-undang sahaja tidak mencukupi dan tidak akan menjamin ketenteraman dalam sesuatu perusahaan dan meningkatkan produktiviti. Malah, apa yang perlu di dalam sesuatu perusahaan itu ialah saling hormat-menghormati dan persefahaman di kalangan pekerja-pekerja dan majikan-majikan. Tidak harus sesuatu pihak itu menggunakan piadaan-pindaan itu untuk menimbulkan masalah-masalah dan kerumitan-kerumitan di antara mereka. Kerajaan cuma boleh meminda undang-undang sesuai dengan edaran zaman untuk memberi perlindungan kepada pihak pekerja dan juga majikan. Adalah diharapkan bahawa pihak-pihak terlibat menguatkuasakan pindaan-pindaan itu dengan penuh tanggungjawab sepertimana dikehendaki oleh Kerajaan.

Dengan kata-kata itu, maka saya menyokong penuh Rang Undang-undang Kesatuan Sekerja 1988 ini. Sekian.

4.35 ptg.

Tuan Pandikar Amin bin Haji Mulia: Tuan Yang di-Pertua, dalam turut bersama membahaskan Rang Undang-undang pindaan kepada Akta Kesatuan Sekerja 1959 ini, izinkan saya memulakan perbahasan dengan memperdengarkan kepada Tuan Yang di-Pertua dan Dewan yang mulia ini tiga kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh tiga individu-individu yang berwajib mengenai dengan soal-soal perundangan buruh, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, pada awal tahun ini sewaktu menjawab soalan-soalan daripada pemberita-pemberita, Yang Berhormat Menteri Buruh berkata, dengan izin:

"Labour is dynamic. The laws governing labour had to be reviewed from time to time to keep up with the tempo of development and to meet the challenges the future has installed for the action,"

Kenyataan yang kedua dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan sewaktu membentangkan Belanjawan untuk tahun 1989 di muka-surat 31 dalam teks ucapan beliau yang diagih-agihkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Kenyataan itu berbunyi seperti berikut, dengan izin, saya baca:

"Kerajaan akan mengkaji semula Undang-undang Buruh untuk mengurangkan kos pengeluaran. Selepas berunding dengan pihak majikan dan pekerja-pekerja, Kerajaan telah membentangkan pindaan-pindaan kepada Undang-undang Buruh di sesi Parlimen ini. Saya yakin bahawa pindaan-pindaan ini akan dapat membantu mengurangkan kos, meningkatkan kecekapan dan persaingan dalam ekonomi, dan pada masa yang sama menjaga kepentingan buruh. Saya ingin menasihatkan semua pihak supaya megawal kenaikan kos buruh, Sekiranya kos buruh meningkat tidak selaras dengan daya pengeluaran, daya persaingan akan terjejas dan pelabur-pelabur tidak akan berminat melabur di negara kita. Jika ini berlaku, sukarlah untuk mengurangkan kadar pengangguran."

Dan kenyataan yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, dibuat oleh Presiden salah sebuah kesatuan sekerja yang terdapat di negara ini setelah beliau ditanya mengenai dengan pendapatnya. Apakah pendapatnya mengenai pindaan-pindaan kepada Undang-undang Buruh pada tahun ini. Beliau menjawab:

"The Government tends to think only of the interest of the employers. and foreign investors and not. enough for the workers...."

Tuan Yang di-Pertua, kesimpulan yang saya dapat daripada kenyataan-kenyataan ini adalah dua. Pertama, orang-orang yang berwajib yang mewakili Kerajaan dalam soal mengatasi masalah majikan-buruh mempunyai pandangan yang luas di mana dalam menggubal sesuatu dasar ataupun meminda sesuaru akta, bukan sahaja Kerajaan mementingkan hak buruh dalam hal ini, tetapi yang terutama dipentingkan ialah kepentingan. negara, kepentingan negara itu adalah lebih penting daripada kepentingan sesiapa.

Kesimpulan yang kedua ialah dalam soal masalah majikan-buruh ini pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja, dalam soal mengatasi masalah daripada sudut pandangan yang sempit, di mana mereka ini semata-mata mementingkan kepentingan segelintir masyarakat yang juga boleh dipersoalkan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita menilai cara mengatasi masalah majikan baruh ini, tentu sekali rakyat faham, individu-individu yang berfikiran waras akan setuju bahawa cara Kerajaan itu adalah sebaik-baiknya cara untuk mengatasi segala permasalahan. Dan sebagai bukti yang telah kita dengar mulai daripada kelmarin, tidak ada yang saya dengar pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang turut membahas Akta ini, yang menyatakan bahawa pindaan kepada Fasal-fasal yang terdapat di Akta ibu yang tidak baik, semua mengatakan bahawa pindaan-pindaan itu baik-baik belaka untuk kepentingan Kesatuan-kesatuan Sekerja.

Sebentar tadi saya mendengar hujah daripada Yang Berhormat Tuan Haji Hamid Araby, beliau sendiri pernah menjadi pemimpin Kesatuan Sekerja. Kalaulah sikap setiap pemimpin Kesatuan Sekerja dalam negara ini seperti sikap Yang Berhormat, saya rasa Kerajaan tidak perlu bertungkus-lumus untuk memindahkan Akta dari satu masa ke satu masa, kerana kita tidak mempunyai masalah ini. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak perlu untuk menyentuh dari Fasal ke satu Fasal mengenai dengan kebaikan pindaan ini, oleh kerana ianya telahpun disentuh oleh Yang Berhormat Senator Puan Ainin, Yang Berhormat Tuan G. Rajoo dan Yang Berhormat Tuan C. Krishnan dan yang lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, pokoknya walau apapun tindakan Kerajaan, walau apapun tindakan Kerajaan dalam menggubal dasar-dasar undang-undang buruh atau meminda Akta-akta yang sedia ada, sudah mesti dan sememangnya ada sahaja pihak-pihak yang tertentu yang tidak berpuas hati. Bukan ahli-ahli Kesatuan Sekerja itu sahaja yang tidak bersetuju, pihak-pihak yang tertentu yang tidak bersetuju dan pihak-pihak ini Kerajaan sudah maklum, pihak-pihak ini rakyat sudah maklum dan mereka ini adalah orang-orang yang terdiri daripada golongan yang:

- (i) mementingkan diri;
- (ii) golongan egoistik;
- (iii) golongan opportunist; dan
- (iv) golongan idealist.

Tuan-Yang di-Pertua, kenapa saya berani. katakan begitu? Saya berani katakan begitu oleh kerana kita tahu, kita terbaca di akhbar-akhbar, kita dengar di televisyen, banyak pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja yang mementingkan diri. Dalam soal ini kalau sekiranya mereka mewakili kesatuan-kesatuan mereka ke forum-forum antarabangsa misal kata, mereka sanggup mengeluarkan kata-kata yang mengutuk kepada negaranya sendiri, sanggup mencadangkan perkara-perkara negatif yang memudaratkan ekonomi negara Malaysia. Bukankah ini sikap mementingkan diri? Jelas.

Kedua, golongan yang bersifat egoistik, golongan ini mahu ikut kemahuan sendiri, oleh kerana dia itu Presiden sesebuah Kesatuan Sekerja, dia tidak kira dengan ekonomi negara, dia tidak kira dengan kemahuan-kemahuan ahli-ahli Kesatuan Sekerjanya, dia cuma ikut

kemahuan kehendak dan pemikirannya sendiri, walaupun pemikiran itu salah, dan setiap apa sahaja tindakan Kerajaan untuk kebaikan juga dipandang sepi ataupun dipandang serong. Inilah sikap orang-orang egoistik.

Orang-orang opportunist pula bersikap extremist. Dalam memperjuangkan ahli-ahli mereka, mereka seringkali bersikap extremist, keterlaluan membuat permintaan yang mereka sendiri tahu bahawa itu tidak mungkin akan diberi oleh Kerajaan oleh kerana sebab-sebab yang tertentu. Walau bagaimanapun, mereka juga meneruskan permintaan yang bukan-bukan. Mereka ialah opportunist oleh kerana dengan berbuat demikian, maka mereka akan dianggap 'heroes' oleh ahli-ahli Kesatuan Sekerja yang tidak faham dengan kedudukan yang sebenarnya, dan dengan itu dalam setiap pemilihan dalam Kesatuan Sekerja itu individu-individu ini sudah tentu akan menang.

Golongan keempat ialah golongan idealist.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua tahu apa perkataan 'idealist' itu. Golongan ini setiap hari bermimpi dengan perkara-perkara yang bukan-bukan, tidak apa kalau impian itu tidak mendatangkan kemudartan kepada ekonomi negara, tetapi kalau impian itu mendatangkan kemudartan kepada ekonomi negara, saya rasa pihak Kerajaan terutama sekali, saya mencadangkan kepada Kementerian Buruh supaya tidak memperdulikan kepada mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat-sangat kesal setelah membaca satu buku terbitan Insan yang berjudul 'Kesatuan Sekerja untuk Pekerja-pekerja Malaysia'. Kalau kita baca buku ini dan secara

yang sebenar, sudah tentu kita akan terpengaruh oleh buku ini. Buku ini isinya menggambarkan bahawa dalam segala tindak-tanduk untuk mempertingkatkan kebaikan dalam soal permasalahan majikan dan buruh dianggap semuanya itu tidak ada dan yang menonjol sekali tuduhan itu ialah, dengan izin, ada empat:

Pertama, bahawa konon-konon pekerja-pekerja di Malaysia diupah rendah. Dia membuat kenyataan di sini, bahawa upah yang diterima oleh pekerja Malaysia purata rendah. Mengikut Bank Dunia untuk memenuhi keperluan asas minima dan untuk hidup di atas garis kemiskinan, pendapatan bulanan sebanyak 333 seorang perlu pada tahun 1970 dan pada tahun 1980an, kira-kira \$400 mencukupi untuk seisi rumah yang mungkin mempunyai saiz purata 5.4 orang. Dan juga ditekankan- di sini bahawa setakat ini masih belum terdapat dasar upah minima di Malaysia dan berjuta-juta pekerja masih menerima upah kurang daripada \$400 sebulan. Ini mencerminkan bahawa berjuta-juta orang dalam Malaysia ini yang masih lagi hidup di bawah paras kemiskinan.

Adakah kenyataan ini betul atau tidak. Searif-arifnya saya mengenai perkara ini, saya rasa lebih lagi arif Menteri yang berkenaan. Tetapi apa yang saya dengar sewaktu menggulung perbahasan, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Kasitah Gaddam menyatakan bahawa dalam tahun 1970 kadar kemiskinan dalam bandar Semenanjung Malaysia 21%. Tetapi dalam tahun 1987 kadar kemiskinan sudah menurun kepada 8%. Siapa yang benar? Kalau kadar kemiskinan menurun kepada 8% dalam bandar dan kita juga tahu bahawa kebanyakan pekerja-pekerja itu tinggal dalam bandar ini bermakna membuktikan cuma 8% orang-orang sahaja tinggal di bawah paras kemiskinan. Maka dalam pendapat saya, daripada fakta-fakta yang saya dengar, tuduhan ini adalah tidak betul. Tuan Yang di-Pertua, saya berbalik ke situ, minta maaf.

Tuan Yang di-Pertua, tuduhan yang kedua, keadaan kerja teruk. Dia kata di sini pekerja adalah kos pengeluaran utama yang banyak mempengaruhi kadar keuntungan. Oleh itu perbelanjaan untuk pekerja-pekerja harus dijimatkan sebanyak mungkin oleh kerana kapitalis - ia gunakan perkataan kapitalis untuk menekankan bahawa perkara ini adalah serius - oleh kerana kapitalis ingin menjimatkan perbelanjaan peraturan keselamatan dan kesihatan pekerja jarang dipatuhi sepenuhnya.

Tuduhan yang ketiga, tiada jaminan kerja, Ditekankan di sini bahawa hak pekerja tidak terjamin untuk para pekerja dan di bawah Undang-undang Buruh yang ada pekerja mudah diberhentikan ataupun

dibuang kerja. Bila harga tinggi pengeluaran meningkat dan lebih ramai pekerja diperlukan tetapi bila harga jatuh pengeluaran dikurangkan dan ramai akan kehilangan pekerjaan.

Tuduhan yang keempat yang menonjol ialah undang-undang adalah anti pekerja. Undang-undang jarang digubal dan dikuatkuasakan demi kebajikan dan perlindungan rakyat jelata tetapi biasanya hanya sesuai dengan kepentingan pihak, berkuasa serta pelabur tempatan dan asing.

Banyak lagi tuduhan-tuduhan. Ini adalah tuduhan yang menonjol yang saya rasa harus dijawab.

Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi sesiapa individu yang tidak faham dengan kedudukan yang sebenar dan terbaca buku ini, sudah tentu mempunyai kesan - yang negatif. Untuk Kerajaan, untuk kita yang faham, untuk Kementerian Buruh, kesannyai tidak ada apa-apa tetapi kesannya untuk rakyat biasa yang saya rasa amat buruk sekali.

Maka dalam soal ini Kerajaan harus mengambil serius dengan, perkara-perkara yang tercatat dalam buku ini, Kerajaan terutama sekali dengan Kementerian Buruh harus buat penjelasan kepada rakyat. Kalau kita tengok daripada segi undang-undang memang tuduhan-tuduhan yang kita dapati dalam buku ini adalah cuma tinggal tuduhan sahaja kerana tuduhan itu adalah satu soal dan membuktikannya adalah soal lain. Tuan Yang di-Pertua, tetapi dalam permainan politik, dengan izin, saya gunakan bahasa Inggeris, dalam permainan politik, *politics works on rumours*, bermakna politik itu berkisar kepada berita-berita angin, politik itu bergolak dengan cerita-cerita yang kita dengar di kedai kopi.

Maka saya rasa tujuan kita membahaskan Rang Undang-undang ini bukan semata—mata tujuan untuk legal aspectnya, tujuan kita yang utama ialah political aspect, Kalau itu tanggapan yang benar maka saya cadangkan kepada Menteri Buruh supaya mengatasi masalah-masalah dan tuduhan-tuduhan ini dan cadangan saya untuk mengatasi masalah-masalah ini kalau sekiranya belum dilakukan oleh Kementerian ialah melalui risalah. Kalau Insan misalnya boleh membuat satu buku berbentuk begini, menyebarkan tuduhan-tuduhan yang boleh memesongkan pemikiran rakyat, tidak ada sebab kenapa Kementerian Buruh tidak boleh buat risalah-risalah seperti ini untuk memberi penerangan kepada rakyat. Maka buatlah 'counter propaganda' melalui risalah-risalah dan risalah-risalah ini kita akan beri secara percuma. Tempatkan risalah ini di tempat-tempat di mana banyak ahli-ahli kesatuan sekerja supaya mereka faham kedudukan yang sebenar, supaya mereka faham kehendak dan matlamat negara dalam menggubal sesuatu dasar.

Kedua, kalau juga belum dibuat, buatlah propaganda-propaganda melalui seminar di mana penganjur seminar ini ialah Kementerian Buruh, mungkin peserta-peserta seminar ialah ahli-ahli kesatuan sekerja dan majikan-majikan yang terkemuka.

Ketiga, melalui drama-drama dalam televisyen dan radio. Seringkali kita nampak setiap minggu ada Drama Minggu ini. Apa salahnya kalau misal kata Drama Minggu ini kita selitkan juga dengan perkara-perkara polisi Kerajaan seperti apa yang kita dapati di Indonesia di mana untuk menerangkan matlamat Kerajaan dalam dasar pertanian ada drama-drama yang bercorak ini. Kenapa dalam Malaysia kita tidak boleh buat?

Keempat, melalui media massa. Penerangan juga perlu saya rasa, terutama sekali di surat-suratkhabar yang mempunyai seksyen atau bahagian Business matlamat Kerajaan yang sebenar.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab kepada tuduhan-tuduhan yang terkandung dalam buku ini, saya mengambil kesimpulan bahawa semua yang tertulis di sini adalah tidak benar belaka, oleh kerana dalam tuduhan misal kata bahawa upah-buruh terlalu murah dan berjuta-juta rakyat kita masih hidup di bawah paras kemiskinan. Sememangnya keadaan ini Kerajaan sudah sedar kalau sekiranya Kerajaan tidak sedar dengan perkara ini takkan Dasar Ekonomi Baru itu digubal.

Dasar Ekonomi Baru telahpun berjalan selama 3 dekad. Dan sebentar tadi saya sudah sebut bahawa menurut Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, kadar kemiskinan di bandar sekarang sudah menurun daripada 27%, kalau tidak silap saya tahun 70an dan dalam 1987 sudah 8%. Dan baru-baru ini untuk mengatasi soal kemiskinan ini yang disebut oleh buku ini terbitan INSAN, Kerajaan juga telah menggubal satu dasar lagi, dasar yang diberi nama (PIP) ataupun Pelan Induk Perindustrian. Apa tujuan Kerajaan menggubal dasar Pelan Induk Perindustrian? Dengan izin, saya ingin membaca satu buku yang diberi nama "Malaysia Isu-isu Pembangunan". Menurutny di sini, Kerajaan telah menetapkan beberapa objektif pembangunan sektor perindustrian negara dalam tempoh 1986 hingga 1995. Tujuannya-ialah di antara lain:

- (i) untuk mempercepatkan kadar pertumbuhan sektor perindustrian bagi menentukan pengembangan ekonomi yang pesat, berterusan serta menyediakan asas bagi memenuhi objektif-objektif sosial yang selaras dengan Dasar Ekonomi Baru;
- (ii) untuk mengembangkan peluang penggunaan maksima dan cekap kekayaan sumber-sumber alam semula jadi negara;
- (iii) membina asas bagi melancarkan negara ke arah sebuah negara perindustrian yang maju dengan meningkatkan kepakaran teknologi dan daya pertandingan tempatan dan penekanan utama strategi-strategi tersebut ialah ke atas pendekatan perindustrian berorientasikan eksport.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan menggubal dasar ini semua adalah kepentingan untuk rakyat yang miskin. Kerajaan menggubal PIP dalam 1985 dengan tujuan supaya apa yang dituju oleh buku ini akan boleh diatasi. Dalam buku Asas Pembangunan Ekonomi Negara, hasil karya Dr. Azhari digariskan 4 sebab kenapa sesebuah Kerajaan yang baru itu mahu menjadi negara yang maju, negara perindustrian. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Dia kata di sini mempunyai 4 sebab:

- (i) negara telah mahu self-sufficient, dengan izin, berdikari dalam soal ekonomi;
- (ii) wang berjuta-juta untuk membeli barangan luar negeri yang kita tidak mampu untuk keluarkan pada masa ini akan terselamat;
- (iii) sumber pekerjaan, peluang-peluang pekerjaan yang banyak akan boleh dinikmati oleh pekerja-pekerja buruh. Ini membasmi pengangguran;
- (iv) bahan-bahan hasil bumi seperti pertanian dan sebagainya boleh diproses secara hiliran dan ini akan menambahkan lagi harga komoditi-komoditi yang kita keluarkan. Dan untuk menjadi sebuah negara yang maju banyak syarat-syarat yang harus ditempuhi oleh Kerajaan. Syarat utama ialah Kerajaan terpaksa membina infrastruktur yang hebat, jalan raya-jalan raya yang cantik, sistem telekomunikasi yang tidak ada kecacatan. Ini menelan belanja yang beratus-ratus juta. Bukankah ini menandakan bahawa Kerajaan kita sekarang ini mementingkan soal orang-orang miskin?

Tuan Yang di-Pertua, kalau matlamat PIP ataupun Pelan Induk Perindustrian ini tercapai apa kebaikannya, mungkin kita bertanya apa kebaikannya? Kerana ini bermakna kalau sudah kita mencapai taraf negara industri baru seperti Singapura, Hongkong, Korea dan sebagainya, bermakna pendapatan perkapita mencapai US\$1,100 dan sumbangan sektor pembuatan pula perlu melebihi 20% KDNK negara **itu**. Makanya kalau misal kata cita-cita dan hasrat Kerajaan untuk menggubal dasar PIP ini tercapai, maka tidak adalah orang-orang kita terutama sekali buruh yang hidup di bawah paras kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi saya membaca kenyataan Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Ucapan Dasaraya mengenai dengan soal permasalahan buruh dan majikan. Iaitu menurut beliau, kalau kos buruh turun, kita boleh bersaing dalam ekonomi, pelabur asing tertarik. Tetapi saranan seperti ini tidak diterima oleh golongan-golongan yang saya sebut tadi itu kerana mereka mahu juga gaji ataupun upah pekerja-pekerja kilang dari tempat-tempat lain yang seumpama itu harus dipertingkatkan melebihi \$400.00 tiap-tiap sebulan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau pendapat pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja, kita turuti bermakna kita bersetuju dengan cadangan **ini**, saya rasa kita akan bercanggah dengan satu falsafah yang saya fikir, Tuan Yang di-Pertua dan Dewan yang mulia ini tahu, falsafah yang berbunyi "biar kita kalah dalam satu pertempuran kecil, asalkan kita menang dalam peperangan yang besar". Maksudnya, kalaulah sekiranya kita tidak turut kehendak sebilangan pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja mungkin kita akan mendapat kritikan seperti apa yang kita dapati sekarang melalui buku ini dan kalau misal kata Menteri

berkenaan tidak dapat mengulas tuduhan-tuduhan di sini mungkin mempunyai akibat politik negatif terhadap Kerajaan dan itu mungkin kita kalah dalam satu soal pertempuran yang kecil oleh kerana kita tidak dapat meninggikan gaji pekerja-pekerja buruh. Tetapi insya Allah, saya rasa kalau kita tidak turuti kehendak mereka ini walaupun kita kalah dalam soal pertempuran kecil **ini**, kita akan menang dalam peperangan besar dan dalam konteks ini peperangan besar untuk mengatasi masalah-masalah ekonomi negara iaitu supaya matlamat Dasar Ekonomi Baru dan Pelan Induk Perindustrian akan tercapai. Kerana kalau tercapainya itu, bermakna kita akan menang dalam peperangan yang besar dan insya Allah ini akan tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, dalam buku ini telah juga dinyatakan bahawa dalam menggubal sesuatu dasar mengenai dengan permasalahan majikan-buruh, Kerajaan tidak menyebelahi kepada pekerja, walaupun majikan itu menindas pekerja-pekerja, Kerajaan membuta tuli tidak mahu dengar dan saya rasa tuduhan ini adalah tidak benar, tidak benar sebab saya ada terbaca satu buku Undang-undang Perhubungan Perusahaan di Malaysia yang menyentuh tentang soal penindasan. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, menurut buku ini, soal penindasan yang dikatakan majikan menindas kaum pekerja, Kerajaan telah membuat sesuatu iaitu di bawah Seksyen 5 Akta Perhubungan Perusahaan 1967. Dan di sini disenaraikan bahawa majikan tidak boleh melakukan mana-mana daripada yang berikut dan maha-mana yang berikut itu bermakna soal penindasan iaitu:

- (i) majikan tidak boleh mengenakan apa-apa syarat dalam kontrak perkhidmatan yang menyekat hak seseorang untuk memasuki kesatuan sekerja atau untuk terus menjadi anggotanya; (Sudah ada peruntukan).
 - (ii) enggan untuk mengambil kerja mana-mana orang atas alasan dia adalah anggota atau dia bukan anggota atau seorang pegawai kesatuan sekerja;
 - (iii) membeza-bezakan mana-mana orang berkaitan dengan pekerjaan, kenaikan pangkat, apa-apa syarat pekerjaan atau keadaan kerja atas alasan-alasan yang sama seperti yang dinyatakan dalam perenggan
- (b).

Disenaraikan di sini tindakan-tindakan yang boleh dikira menindas Kerajaan tidak mernpersetujui semua itu. Dan sekiranya soal penindasan itu dibawa ke mahkamah, mahkamah bersikap simpati dengan pekerja kerana dalam satu kes Wong Hun Iwn. Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Lombong Malaysia. Tribunal Timbangtara Perusahaan yang mendengar kes itu berpendapat demikian, dengan izin, saya bacakan:

"Telah diterima dalam bidang Undang-undang Perusahaan bahawa kegiatan kesatuan dan rundingan bersama adalah hak pekerja-pekerja perusahaan dan sesuatu perintah pemecatan yang berdasarkan kepada kebencian majikan terhadap segala aktiviti tersebut adalah salah di sisi undang-undang dan mesti dimansuhkan kerana ia adalah perbuatan penindasan."

Penindasan dalam satu aspek, tetapi itu timbul satu soalan lagi, Tuan Yang di-Pertua. Dalam membawa kes penindasan itu ke mahkamah, orang-orang yang menuduh bahawa dia itu kena tindas, kena bagi bukti-bukti yang jelas. Misal kata umpamanya si "A" mengadu nasibnya di mahkamah bahawa dia kena tindas oleh majikannya si "B" Si "A" tadi terpaksa mengemukakan bukti-bukti yang jelas dan ini adalah diakui bahawa bukti-bukti yang jelas sukar untuk didapati tetapi dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, mahkamah juga bersikap simpati dengan pekerja kerana dalam satu kes yang diberi nama kes Kesatuan Pekerja Kenderaan Persekutuan Tanah Melayu Iwn. .Syarikat Kenderaan Sri Jaya Sdn. Bhd., mahkamah berpendapat seperti begini, dengan izin:

"Mahkamah sememangnya tidak boleh menerima tuduhan penindasan tanpa bukti-bukti yang jelas, tetapi sebagai mahkamah keadilan sosial, mahkamah adalah terikat untuk membuat pertimbangan yang sepatutnya kepada kemungkinan berlakunya penindasan."

"Kepada perkara berlakunya penindasan" - ini bermakna si pekerja tadi tidak perlu untuk mengutarakan bukti-bukti yang jelas. Kalau hakim mahkamah itu berpendapat bahawa ada kemungkinan bahawa pekerja ditindas, maka si majikan dipersalahkan.

Tuan Yang di-Pertua, dari semua apa yang saya bentangkan sebentar tadi, saya rasa pendapat-pendapat pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja, saya tekankan pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja, bukan ahli-ahlinya, adalah tidak benar dan kalau Kerajaan terutama sekali Kementerian Buruh berdiam diri mengenai dengan perkara ini, mungkin ianya dianggap benar kerana ada ungkapan orang putih yang mengatakan bahawa "silence means consent", berdiam diri itu mungkin ditafsirkan kita bersetuju dengan tujuan itu.

Dan kesimpulan yang kita dapat daripada apa yang saya bentangkan sebentar tadi, Kerajaan sama sekali tidak menyebelahi kepada sesiapa dalam soal permasalahan majikan-buruh kerana Kerajaan berpendapat bahawa majikan dan buruh itu adalah bahan utama untuk membuat kuit besar negara, dalam konteks ini ekonomi yang akan diagihkan kepada rakyat. Dengan adanya Undang-undang Buruh yang begitu banyak dan dengan adanya pindaan-pindaan yang dilakukan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa, ini jelas membuktikan bahawa Kerajaan ini sentiasa peka dan sensitif terhadap permintaan-permintaan kaum buruh, sesuai dengan keadaan semasa dan saya fikir mungkin ada perkara-perkara yang tidak dapat diawasi oleh Kerajaan.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu tidak harus dibuat sebagai isu yang besar kerana kita semua tahu bahawa bumi mana yang tidak ditimba hujan, laut mana yang tidak bergelora, manusia mana yang tidak ada salah dan Kerajaan mana yang boleh mengawasi segala-gala?

Saya berpendapat bahawa setakat ini Kerajaan dengan sedaya upaya telah mencuba untuk mengatasi segala permasalahan yang ada di antara majikan dan buruh. Dan dalam soal ini, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa di samping kesatuan sekerja itu mempunyai tanggungjawab kepada Kerajaan, dalam konteks ini ekonomi negara, saya rasa majikan juga harus bertanggungjawab kerana dalam tuduhan-tuduhan yang saya sebutkan tadi yang kita dapat dalam buku ini yang dituduh ialah Kerajaan dan majikan, seolah-olah Kerajaan dan majikan-kapitalist itu bersubahat.

Kita tidak mahu ini. Kita mahu majikan—majikan juga harus membuat perkara-perkara yang mendatangkan kebaikan dalam soal permasalahan buruh dan majikan ini.

Kalau kita tengok di negara Jepun umpamanya, ekonominya kukuh. Soal-soal seperti yang kita bincangkan dalam Dewan yang mulia ini mengenai dengan soal-soal permasalahan majikan buruh tidak timbul. Kalau pun timbul ianya tidak ketara. Dan saya di sini bukanlah berhasrat untuk mengajar majikan-majikan, tidak; kerana takkan saya boleh mengajar itek berenang..Tetapi kadangkala, Tuan Yang di-Pertua, itek itu kalau terlampau kenyang dia lupa di mana air.

Dalam buku "Bukan Kerana Periuk Nasi Sahaja" hasil karya Konosuki Matsushita, Presiden. Firma-firma Perkakas Elektrik yang paling disegani di dunia, dia mempunyai pendapat; dan yang cuma saya boleh petik di sini adalah tiga. Menurut beliau untuk mengatasi soal-soal permasalahan di antara majikan dan buruh, ada tiga yang harus di buat, menurut pengalamanya. Pertama, percaya kepada kakitangan. Dan kalau boleh, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendengarkan kepada Tuan Yang di-Pertua dan Dewan ini menurut beliau jenis saya ialah mereka yang berunding dengan kakitangan dan meminta kebijaksanaan mereka. Saya telah mendapati bahawa pada

amnya kurang lebih sedia bekerja sama jika anda memperoleh nasihat mereka dibanding dengan kalau anda cuba menyuruh mereka bagaimana membuat segalanya.

Suatu perhatian yang telah saya buat sepanjang masa ini ialah bahawa syarikat di mana pengurusan mempercayai dan memuji pekerjaannya lazimnya adalah berjaya. Sebaliknya, bila Presidennya adalah jenis yang selalu bersungut tentang ketidakcekapan kakitangan, syarikat itu sendiri biasanya adalah dalam kesusahan. Sikap saya lebih pintar dari awak, yang ada pada diri orang atas; maksudnya pengurusan boleh mengakibatkan kerugian segala perniagaan. Sebaliknya, suatu perasaan rendah diri yang benar akan memberinya peluang yang besar sama ada nyata atau tidak nyata. Itu percaya kepada kakitangan.

Kedua, ada matlamat jelas selain daripada mendapat keuntungan. Maksudnya di sini majikan-majikan disamping mahu mengaut keuntungan mesti mempunyai matlamat dan matlamat ini harus diterangkan kepada pekerja-pekerjanya. Tiap-tiap syarikat tidak kira berapa kecil pun patut mempunyai matlamat yang jelas selain, daripada mendapat keuntungan iaitu tujuan yang memberi makna kepada pengwujudannya di antara kita. Bagi saya matlamat seperti itu merupakan satu pemesongan suatu matlamat sekular kepada dunia. Jika Ketua Pegawai Eksekutif mempunyai matlamat ini, dia boleh memberitahu kakitangannya apa syarikat itu hendak capai dan menerangkan tujuan dan ideanya, Dan jika kakitangan faham bahawa mereka bekerja bukan untuk periuk nasi sahaja maka mereka akan digerak untuk bekerja bersama-sama dengan lebih kuat lagi ke arah pencapaian matlamat yang sama.

Dalam proses ini mereka akan belajar lebih banyak lagi daripada

apa yang boleh dicapai jika objektif mereka hanya dihadkan kepada tangga gaji.

Dan ketiga yang dicadangkan di sini bahawa perhubungan terbuka. Saya rasa sudahpun diperjelaskan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat sebentar tadi. Perhubungan terbuka di antara pekerja dan pengurusan. Begini pendapat Konosuki Matsushita: "saya fikir harmoni penting dalam usaha niaga. Tanpa hubungan berharmoni di antara kakitangan dan di antara buruh dan pengurusan adalah mustahil untuk membina satu tabung kebajikan bersama dan menggunakannya dengan berkesan." "Satu tabung kebajikan bersama", dia bukan maksudkan duit. Dia maksudkan kepentingan kepada negara. "Satu cara sesuatu syarikat: boleh mencapai harmoni ialah memastikan pengaliran perhubungan yang tidak putus dari atas ke bawah dan sebaliknya. Jika pemikiran Presiden tidak disampaikan kepada kakitangannya, syarikatnya tidak akan berjalan dengan licin atau dengan efisien. Dan jika aspirasi dan idea kakitangan tidak disampaikan kepada pengurusan asas, syarikat itu mengalami lebih banyak lagi kerumitan."

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah pendapat seorang Presiden syarikat yang disegani dalam dunia. Dan kalau kita bandingkan ekonomi negara Jepun itu dengan mana-mana sahaja negara yang membangun dalam dunia ini, kita terpaksa membuat satu kesimpulan bahawa benar, memang benar industri Jepun itu adalah satu daripada industri yang paling kukuh. Dia kukuh bukan kerana dia mempunyai undang-undang seperti undang-undang yang kita ada, tidak. Dan saya bersetuju dengan pendapat seorang pemimpin kesatuan sekerja juga,

dengan izin, dia kata di sini "legislation per se does not lead to better employer-employee relations. Laws can provide guidelines but to promote industrial harmony employers must consider workers as partners". Ini apa yang dijelaskan dalam buku ini. Dan kalau ini sudah keluar daripada mulut pemimpin kesatuan sekerja, cuma ini sahaja permintaan mereka; dan kalau ini dapat ditunaikan Kerajaan. tidak perlu dipertanggungjawabkan dengan soal remeh-temeh misal kata mengubah segala perkataan yang sudahpun difahami kepada perkataan yang lebih lagi difahami.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata yang sedemikian, saya mohon menyokong usul ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Jika tidak ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat hendak, berbahas, saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.28 ptg

Timbalan Menteri Buruh [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu ingin merakamkan di sini penghargaan dan terima kasih saya kepada Yang Berhormat Senator-Senator yang telah membahaskan Akta ini iaitu Akta Kesatuan Sekerja yang dibentangkan oleh saya beberapa hari yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, di antara Ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan pindaan Akta ini ialah Yang Berhormat Senator Puan Ainon Ariffin, Yang Berhormat Senator G. Rajoo, Yang Berhormat Senator C. Krishnan, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hamid Araby bin Md. Salih, Yang Berhormat Senator V. K. Sellapan, Yang Berhormat Senator Hassan bin Nam, Yang Berhormat Senator P. Balaram dan yang

terakhir sebentar tadi Yang Berhormat Tuan Pendikar Amin bin Haji Mulia. Dalam perbahasan ini tiga perkara yang saya perhatikan untuk makluman Dewan ini; yang pertama ialah semua Yang Berhormat-Yang Berhormat telah meayentuh kebanyakan fasal-fasal yang penting di dalam pindaan Akta ini. Jadi oleh itu setengah bahagian daripada fasal-fasal ini telah disentuh oleh beberapa orang Yang Berhormat. Oleh itu untuk tujuan penjelasan saya hanya akan jelaskan tentang fasal itu yang juga merangkumi peajelasan kepada beberapa Yang Berhormat yang telah membangkitkan soal yang sama.

Yang keduanya, semua Yang Berhormat Senators yang telah berucap menyokong penuh pindaan Akta ini dan saya mengucapkan terima kasih bagi pihak Kementerian Buruh kerana memang pindaan yang telah kita bentang dan kita bawa ke dalam Dewan yang mulia ini adalah merupakan pindaan-pindaan yang perlu dan penting untuk menyesuaikan dengan keadaan masa demi kepentingan-pekerja, majikan dan negara.

Ketiganya, saya perhatikan juga perkara-perkara yang dibawa oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tidak terhad kepada Akta Kesatuan Sekerja yang saya bentangkan ini tetapi telah juga membawa perkara-perkara lain ataupun perkara-perkara umum yang menyentuh Jabatan-jabatan lain dan bukan Jabatan Pendaftar Kesatuan Sekerja. Misalnya, perkara-perkara yang telah dibawa menyentuh secara umum bidang-bidang Jabatan Perhubungan Perusahaan, Jabatan Buruh Jabatan Kilang dan Jentera dan lain-lain jabatan di bawah Kementerian Buruh ini.

Sukacita saya memberi maklumat kepada Dewan ini Kementerian Buruh ada membawa dua lagi pindaan Akta yang berkaitan iaitu pindaan Akta Perhubungan Perusahaan dan Akta Kerja yang mana sebahagian daripada ucapan yang telah dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat menyentuh Akta-akta yang berkaitan. Walau bagaimanapun, bahan-bahan perbincangan ataupun saranan-saranan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat itu saya telah mengambil catatan dan ingatan. Perkara-perkara yang boleh kita atasi kita akan mengatasinya dengan seberapa segera yang mungkin dan cadangan-cadangan yang baik daripada Ahli-ahli Yang Berhormat kita akan mengambil perhatian yang serius dan dari masa ke semasa pada masa yang akan datang kita akan mengadakan

penyesuaian kepada Akta-akta ini bagi mencapai cita-cita yang baik itu.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan saya seperti yang saya sebutkan tadi tidak mengulas kesemuanya kerana sebahagian besar daripada Ahli-ahli Yang Berhormat telah bercakap atas Fasal yang sama. Oleh sebab itu saya akan menyentuh mengikut Fasal dan seberapa yang boleh saya akan menyebutkan nama Yang Berhormat yang telah berucap pada Fasal **itu**. Kalau saya tidak sebut nama Yang Berhormat yang berkenaan, janganlah berasa hati kerana maksudnya serupa iaitu Fasal yang sama dibincangkan, mungkin saya tercatat di sini seorang atau berdua sahaja Ahli Yang Berhormat yang menyentuh.

Fasal 2 telah disentuh oleh Yang Berhormat Senator Ainon Ariffin dan juga Yang Berhormat Senator Haji Hamid Araby dengan panjang lebar. Fasal 2 ini adalah bertujuan mengubahsuaikan takrif 'Trade Union' untuk menjelaskan bahawa Kesatuan-kesatuan Sekerja di antara lain perlu juga menekankan soal peningkatan produktiviti dan taraf ekonomi dan sosial pekerja dalam menjalinkan hubungan perusahaan di antara pekerja dan majikan.

Disini saya ingin menjelaskan bahawa soal peningkatan produktiviti ini adalah perkara yang penting yang biasanya dilupakan oleh kebanyakan Kesatuan Sekerja. Peningkatan produktiviti ataupun daya keluaran akan mengurangkan kos pengeluaran. Pengurangan kos pengeluaran ini akan menambahkan keuntungan syarikat atau perniagaan dan keuntungan syarikat ini akan mengembangkan syarikat itu dan seterusnya membolehkan syarikat ini memberi gaji ataupun kemudahan perkhidmatan yang lebih baik kepada pekerja-pekerjanya. Apa yang

dinampak oleh kebanyakan Kesatuan Sekerja yang saya perhatikan hanya dengan meminta kenaikan gaji ataupun mengadakan tekanan-tekanan tertentu supaya majikan memberi faedah yang lebih baik. Perkara bagi meningkatkan produktiviti ini tidak berapa ditekankan.

Jadi sebab itulah dalam Akta ini kita telah menjelaskan lagi bahawa peranan Kesatuan Sekerja itu di antara lain hendaklah; ditekankan kepada peningkatan produktiviti kerana ini penting. Maknanya, peningkatan produktiviti ini adalah satu cara yang sangat baik untuk memperjuangkan hak pekerja-pekerja mendapatkan gaji yang lebih, kerana ianya secara automatik. Seperti saya sebutkan tadi berlakunya peningkatan produktiviti oleh pekerja-pekerja akan mengurangkan kos pengeluaran dan akan menyebabkan syarikat mendapat keuntungan dan pembesaran syarikat. Itu sebab kalau kita lihat-syarikat-syarikat yang maju dan besar dalam negara kita atau di mana sahaja di dunia ini, mereka boleh memberikan tawaran gaji dan faedah perkhidmatan yang lebih baik kepada pekerja-pekerja mereka berbanding dengan syarikat-syarikat yang tidak maju. Ini buktinya.

Itulah Fasal 2 ini, yang telah disokong oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan yana telah kita memperjelaskan lagi dalam pindaan ini, sebenarnya adalah sangat baik tujuannya dan kita menyeru kepada semua Kesatuan-kesatuan Sekerja supaya mengambil ini sebagai satu ingatan yang baik kepada mereka.

Selain daripada itu, Fasal 2 ini iaitu berkenaan dengan objektif Kesatuan, Yang Berhormat Senator Aion Ariffin menyentuh tentang terdapatnya Kesatuan-kesatuan Sekerja yang ditubuhkan bukan sahaja untuk kepentingan pekerja tetapi juga tujuannya ialah untuk dijadikan satu batu loncatan ataupun satu medan untuk berjuang di bidang yang lain, misalnya di dalam bidang politik dan sebagainya.

Dalam perkara ini suka saya menjelaskan bukan sahaja kepada Yang Berhormat Senator Ainon Ariffin tetapi juga kepada Yang Berhormat Senator-senator yang lain juga yang telah membangkitkan kebimbangan dalam soal ini. Akta ini pada masa ini adalah memadai peruntukannya yang melarang pemegang-pemegang jawatan utama dalam parti-parti politik memegang jawatan dalam Kesatuan Sekerja dan juga Akta ini tidak membenarkan Kesatuan-kesatuan Sekerja ini digunakan sebagai badan-badan politik. Ini adalah kerana asas kebenaran kita bagi mereka menubuhkan Kesatuan Sekerja adalah untuk membela nasib pekerja dengan harapan perhubungan perusahaan yang harmoni di antara majikan dan pekerja terjalin dan jika mereka menggunakan Kesatuan ini untuk tujuan yang selain daripada itu, maka Kementerian ataupun Pendaftar akan mengambil tindakan yang bersesuaian.

Selain daripada itu, Senator Ainon Ariffin ada menyentuh tentang Fasal 3 dan 4. Berkenaan dengan Fasal 3 iaitu gelaran Pendaftar Kesatuan Sekerja, perkara ini juga telah disentuh oleh Yang Berhormat Senator Hassan Nam, Yang Berhormat Senator Haji Hamid Araby dan juga Senator Rajoo.

Sukalah saya menjelaskan bahawa gelaran Pendaftaran Kesatuan Sekerja yang ada sekarang memberi gambaran bahawa fungsi dan tanggungjawab Pendaftar ialah mendaftar Kesatuan Sekerja sahaja. Yang sebenarnya pendaftaran Kesatuan Sekerja hanya merupakan sebahagian kecil daripada fungsi dan tanggungjawab Pendaftar Kesatuan Sekerja. Beliau ditugaskan untuk mengawal, mengarah dan menyelia segala aktiviti atau perkara berkaitan dengan Kesatuan Sekerja di seluruh Malaysia. Oleh itu pertukaran gelaran Pendaftar Kesatuan Sekerja kepada gelaran Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja ialah bermaksud untuk mencerminkan dengan cepat fungsi dan tanggungjawab yang tersebut. Ini sebagai penjelasan mengenai Fasal 3 ini.

Fasal 4 pula seperti yang saya telah jelaskan semasa membentangkan Rang Undang-undang ini, Tujuan pindaan di bawah Fasal 4 ialah untuk mengelakkan keadaan di mana ada dua buah kesatuan sekerja yang mewakili pekerja-pekerja yang sama, keadaan seumpama ini akan menimbulkan masalah persaingan di antara kesatuan sekerja dan persaingan antara kesatuan sekerja ini adalah tidak sihat memandangkan tujuan penubuhan kesatuan sekerja itu adalah untuk mewujudkan perhubungan perusahaan yang baik di antara majikan dan juga pekerja. Itu penjelasannya berkenaan dengan Fasal 4 ini.

Yang Berhormat Senator Ainon Ariffin juga ada menyentuh dan membuat saranan mengenai memerangi najis dadah. Saya ingin menyatakan bahawa sesebuah kesatuan sekerja seperti Institusi sosial yang lain memang patut mengambil langkah-langkah yang berkesan untuk membasmi najis dadah ini kerana ia adalah merupakan satu penyakit yang besar bagi negara **ini**, dan membawa kesan yang buruk. Walau bagaimanapun, objektif ini iaitu pembasmian najis dadah ini boleh dicapai tanpa kita membuat apa-apa pindaan kepada undang-undang. Cuma yang kita perlu tekankan di sini ialah usaha-usaha bersama di antara kesatuan, majikan dan orang ramai perlu diadakan. dengan lebih luas lagi untuk meramerangi penyalahgunaan dadah ini.

Yang Berhormat Senator Ainon Ariffin juga telah membangkitkan masalah-masalah pengaduan tentang penindasan kepada pekerja-pekerja oleh majikan, kata Yang Berhormat tersebut terutamanya wanita dengan cara halus. Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya ingin mohon mendapat daripada Yang Berhormat satu pengaduan yang khusus berkenaan dengan perkara ini kerana ia menyentuh 5,6 perkara seperti yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu dan Jabatan-jabatan di bawah Kementerian Buruh akan mengambil tindakan yang sesuai dengan Akta dan

apa-apa juga bantuan yang kita boleh beri kita akan berikan demi untuk menyelesaikan masalah-masalah yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Senator Ariffin ini.

Lain-lain perkara yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Senator tersebut, seperti yang saya sebut, telah saya catat dan kita akan mengambil tindakan yang bersesuaian.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator G. Rajoo mengesyorkan supaya wang kesatuan digunakan untuk membayar denda yang dikenakan ke atas Setiausaha Kesatuan kerana lambat mengemukakan penyata tahunan kesatuan. Yang Berhormat Senator Rajoo membangkitkan adalah tidak adil Setiausaha yang bekerja dengan kesatuan itu terpaksa membayar denda ini melalui wang poketnya sendiri. Tuan Yang di-Pertua, seksyen 51 Akta Kesatuan Sekerja tidak membenarkan tabung wang kasatuan sekerja digunakan untuk menjelaskan denda yang dijatuhkan oleh sesuatu mahkamah ke atas seseorang. Jadi seksyen ini adalah jelas melarang menggunakan kewangan kesatuan.

Perlu ditegaskan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, untuk makluman Dewan ini, bahawa penyata tahunan kesatuan yang termasuk penyata kira-kira tahunan kesatuan yang diaudit oleh seorang akauntan bertauliah merupakan satu dokumen yang penting untuk mengawal wang-wang kesatuan supaya tidak dibelanjakan dengan boros atau disalahgunakan. Jadi ianya menjadi tanggungjawab Setiausaha Kesatuan untuk menentukan bahawa penyata tahunan ini dikemukakan dalam masa yang ditetapkan. Jadi oleh sebab itu jika sekiranya Setiausaha lambat mengemukakan pada tempoh yang telah ditetapkan, tindakan yang keras akan diambil. Walau bagaimanapun, sebelum Setiausaha-setiausaha ini yang telah melakukan kesalahan ini diambil

tindakan, mereka biasanya kita beri nasihat dahulu dan kita memberi teguran dan peluang yang secukupnya telah kita beri kepada mereka dan kalau selepas itu masih lagi perkara ini berlanjutan, maka kita terpaksa menggunakan peruntukan undang-undang ini.

Seseorang yang menerima satu tanggungjawab itu mestilah menaikannya dengan sempurna. Kegagalan untuk berbuat demikian memang mengakibatkan denda dan adalah tidak adil, kita membicarakan perkataan "tidak adil", adalah tidak adil kepada ahli-ahli kesatuan jika wang mereka digunakan bagi membayar denda hasil dari kesalahan seseorang Setiausaha yang mana Setiausaha sepatutnya mengetahui bidang dan tanggungjawabnya. Dan perkara peruntukan ini adalah untuk mengawal supaya wang-wang kesatuan, yuran-yuran ahli ini tidak disalahgunakan oleh pemimpin-pemimpinnya, seperti yang telah ditetapkan oleh peraturan-kesatuan itu. Jadi, jika melambatkan menghantar penyata-penyata ini kita tidak akan mengetahui masalah itu dengan segera seperti yang sepatutnya.

Tuan Yang di-Pertua, ini juga saya ingin menolak dakwaan daripada Yang Berhormat Senator Ainon Ariffin yang mengatakan Kementerian ini sentiasa teragak-agak untuk mengambil tindakan. Sebenarnya Kementerian Buruh melalui Jabatan-jabatannya kita menguatkuasakan Akta-akta kita. Sesiapa yang didapati melanggar peraturan-peraturan Akta ini kita akan mengambil tindakan. Jadi kalau sekiranya apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Senator Ainon Ariffin tentang mungkin Setiausaha Agung MTUC kita tidak mengambil tindakan oleh kerana perbuatannya tidak melanggar Akta ini pada masa itu. Sebenarnya kalau dia melanggar apa-apa Akta di Kementerian ini kita akan mengambil tindakan yang keras juga mengikut yang sepatutnya. Sebagai bukti apa yang saya sebut umpamanya tentang Setiausaha-

setiausaha yang telah kita ambil tindakan. Ada Setiausaha Kesatuan yang telah didenda \$10,000 kerana kesalahan ini setelah kita memberi amaran, setelah kita memberi peluang, nasihat dan teguran. Itulah ketegasan Kementerian ini dan oleh itu ketegasan kita ini adalah untuk menjaga kepentingan pekerja dan majikan dan kepentingan negara secara khususnya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator C. Krishnan telah bercakap panjang lebar berkenaan dengan pindaan Akta ini dan beliau mengingatkan kepada saya, saya pernah bertugas sebagai ADO di Sepang tetapi pada masa itu Yang Berhormat C. Krishnan belum menjadi Senator lagi, dia masih salah seorang Jawatankuasa MIC. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Senator C. Krishnan sekarang ini telah menjadi Sanator dan telah membawa perkara-perkara kebajikan orang ramai, termasuk pekerja-pekerja ke dalam Dewan ini untuk diambilk perhatian dan tindakan oleh Kerajaan. Saya mengucapkan syabas kepada beliau.

Yang Berhormat Senator C. Krishnan ini membangkitkan tentang masalah sesebuah kesatuan sekerja harus dipimpin oleh pekerja-pekerja sendiri dan bukan oleh orang-orang luar, Tuan Yang di-Pertua, pada amnya peruntukan-peruntukan yang ada sekarang menentukan bahawa hanya ahli-ahli kesatuan sekerja dibenarkan dipilih untuk menjadi pegawai-pegawai kesatuan, tetapi bagi kesatuan sekerja yang mempunyai ramai ahli adalah perlu dan mustahak bagi ia menggaji pegawai-pegawai sepenuh masa untuk menjaga kepentingan ahli-ahli kesatuan. Oleh yang demikian, undang-undang membenarkan seseorang yang dipilih oleh ahli-ahli kesatuan dan digaji untuk bekerja sepenuh masa sebagai Setiausaha, Penolong Setiausaha, Bendahari atau

Penolong Bendahari Kesatuan. Pegawai-pegawai tersebut biasanya telah lama menjadi ahli kesatuan berkenaan dan mempunyai pengalaman yang cukup mengenai industri yang kesatuannya ada berkaitan. Selain daripada itu, seseorang luar yang bukan ahli kesatuan hanya dibenarkan digaji sebagai Setiausaha, Penolong Setiausaha, Bendahari atau Penolong Bendahari Kesatuan jika ia telah digaji sedemikian sejak 9hb Oktober 1969 kerana sebelum tarikh itu undang-undang tidak melarang penggajian orang-orang yang demikian.

Jadi, pokoknya dalam soal ini juga telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Memang Akta ini tidak membenarkan orang-orang lain daripada ahli-ahli kesatuan itu memimpin kesatuan. Mungkin pada mata kasar kita nampak ada pemimpin kesatuan sekerja itu tidak bekerja di dalam trade atau pekerjaan atau industri, itu pada pandangan kita. Tetapi sebenarnya mereka itu bekerja dalam salah satu daripada tempat yang saya sebutkan tadi, tetapi bila mereka telah menjadi pemimpin kesatuan sekerja kita tidaklah nampak seperti yang kedudukannya itu bekerja di dalam industri yang berkenaan seperti Yang Berhormat Senator C. Krishnan sebutkan. Kalau NUPW untuk kesatuan kebangsaan pekerja-pekerja ladang seharusnya dipimpin oleh penoreh getah, mungkin dulunya dia penoreh getah, bila telah menjadi setiausaha agung dia telah berhenti jadi penoreh getah dan menjadi setiausaha agung sepenuh masa dan yang baiknya dia tidak pernah kalah dalam pemilihan semenjak 20 tahun dahulu sehingga hari ini. Itu nasib beliaulah dan terpulung kepada ahli-ahli menentukan. Tetapi kalau ahli-ahli ingin menentukan yang itu sahaja menang, kita tidak boleh membuat apa-apa kerana tindakan tidak boleh diambil kerana mereka mengikut peraturan yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya, Yang Berhormat Senator C, Krishnan, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hamid Araby, Yang Berhormat Senator Puan Ainon Ariffin, Yang Berhormat Senator Hassan Nam, Yang Berhormat Senator G, Rajoo dan juga Yang Berhormat Senator P. Balaram menyentuh tentang tingkah laku ataupun ucapan yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja di luar negeri semasa mereka

menghadiri persidangan atau forum dan sebagainya, yang mana kadang-kadang ucapan ini menjatuhkan imej negara. Saya ingin menjelaskan bahawa Kerajaan menghormati hak pekerja dan oleh yang demikian kesatuan-kesatuan adalah dibenarkan bergabung dengan badan-badan antarabangsa yang ada kaitannya dengan perburuhan. Kerajaan sedar bahawa ada sebilangan .kecil pemimpin-pemimpin ini yang membuat tuduhan palsu atau tidak benar terhadap Kerajaan semasa mereka menghadiri mesyuarat dan persidangan itu. Kerajaan sentiasa berusaha dengan menggunakan sistem yang ada untuk memberi gambaran yang sebenarnya terhadap tuduhan-tuduhan tersebut. Langkah-langkah yang sewajarnya juga akan diambil jika keadaan yang memerlukan untuk menjaga kepentingan negara. Bagi Kementerian .Buruh, khususnya, selagi mereka tidak melanggar apa-apa peruntukan dalam Akta **ini**, tindakan mengikut Akta ini tidak dapat diambil, tetapi nasihat boleh, kita beri.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hamid Araby membangkitkan masalah pejabat-pejabat Pendaftar Kesatuan Sekerja yang perlu dibaiki dan dikemaskinikan. Adalah dimaklumkan kepada Dewan ini dan khususnya kepada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Hamid Araby, pejabat Pendaftar Kesatuan Sekerja di Pulau Pinang sebelum ini menduduki bangunan lama, pada masa ini telahpun dipindahkan ke bangunan Tuanku Syed Putra baru dua bulan lepas. Pejabat ini dilengkapi dengan peralatan pejabat yang baru untuk mewujudkan suasana kerja yang selesa. Jadi, masalah yang dibawa oleh Yang Berhormat sebentar tadi telah saya jelaskan dengan sendirinya.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya yang terakhir sekali berucap tadi, iaitu Senator, Pandikar Amin Haji Mulia telah memberikan satu

ucapan yang baik dan kita akan mengambil pandangan-pandangan yang dibawa oleh Yang Berhormat tadi, terutamanya tentang risalah INSAN yang baru disebutkan tadi yang mengandungi berbagai-bagai pertuduhan yang tidak betul kepada negara kita. Jadi, kita akan mengkaji kandungan risalah ini dan di masa yang perlu kita jawab kita akan jawab.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan ini, sebenarnya bukan sahaja aspek perburuhan ini yang menjadi kritikan ataupun tuduhan ataupun tohmahan palsu daripada kalangan-kalangan yang tidak bertanggungjawab, tetapi semua aspek negara ini, semua aspek kehidupan kita, sistem politik, perkauman, perburuhan, hak asasi manusia dan sebagainya, sentiasa sahaja ada golongan-golongan yang memburuk-burukkan kita. Tetapi sesebuah negara itu bergerak kerana cita-citanya melalui matlamat yang ditetapkan ataupun, dengan izin, melalui goals, yang telah kita tetapkan. Kita mempunyai matlamat (goals) kita, sama ada jangka pendek ataupun jangka panjang dan negara menuju kepada goals ini, dengan izin, melalui strategi perancangan dan cara-cara yang kita atur untuk kita berjaya. Apa-apa yang membawa kepada penyimpangan ataupun menggelincirkan kita daripada tujuan kita untuk mencapai matlamat ini tidak akan diberikan perhatian yang sepenuhnya berbanding dengan perhatian harus diberi kepada strategi untuk mencapai matlamat kita. Jadi, oleh sebab itu sana, sini ada sahaja orang-orang yang tidak puas hati melemparkan tuduhan jahat kepada Kerajaan mengenai berbagai-bagai perkara yang kita boleh baca.

Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, negara

kita sangat liberal. Suratkhobar boleh membicarakan apa sahaja yang mereka mahu, suratkhobar-suratkhobar begitu banyak sekali dalam negara kita ini, semenjak akhir-akhir ini semasa Dato' Seri Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri. Suratkhobar kecil ada, suratkhobar besar pun ada, tidak cukup suratkhobar ini, risalah-risalah lagi, seperti Yang. Berhormat baru bangkitkan mengenai INSAN ini.

Terima kasih saya ucapkan. Jadi, pendek kata, sama ada suratkhobar itu resmi, maksudnya ada kelulusan, ataupun tidak rasmi, buku-buku, percetakan, berleluasa dalam negara kita ini mengkritik Kerajaan. Yang baik itu baguslah, tetapi yang melemparkan tuduhan yang tidak betul terlalu banyak. Itu yang saya hairan mengapa ada orang mengatakan Perdana Menteri kita ini adalah seorang diktator, sedangkan semua orang bebas bersuara. Ceramah boleh diadakan. di mana-mana, kita lihat tiap—tiap malam ada ceramah, tidak ada pilihanraya pun ada ceramah, tidak ada pilihanraya pun boleh buat upacara-upacara kempen, tetapi Kerajaan tidak mengambil tindakan yang sewajarnya. Mana ada negara yang seperti ini kebebasannya. Jadi, benda ini dipandang dari sudut negatif.

Tuan Yang di-Pertua, berkait dengan tohmahan ini, kita boleh melihat satu-satu perkara itu sama ada dari sudut positif ataupun negatif, tetapi kalau untuk faedah yang baik kita seharusnya melihat daripada pandangan yang positif. Dalam negara kita ini, walaupun tidak semuanya golongan-golongan yang sentiasa membuat tohmahan yang tidak baik hanya pandai mencari kesalahan orang lain tetapi tidak melihat kesalahan diri sendiri. Kita tidak akan maju kalau hanya mencarikan kesalahan orang lain. Seorang yang maju itu ialah yang

mencari kesalahan dirinya ataupun dalam basa Arab, dengan izin, muhasabah, iaitu kita melihat dalam diri kita, apakah kekurangan kita dan seterusnya kita baiki dan kita boleh maju.

Jadi, negara ini kalau kita mahu maju semua pihak haruslah mencari kesalahan diri sendiri dan membaikinya. Berhenti mencari kesalahan orang lain oleh kerana mencari kesalahan orang lain ini tidak mendatangkan faedah kepada diri kita. Kita juga harus mencari kesalahan diri kita sendiri dan membaikinya. Itulah yang dapat saya beri pandangan tentang apa yang disentuh oleh Yang Berhormat Pandikar Amin Haji Mulia berkenaan dengan tohmahan-tohmahan daripada pihak tertentu.

Kadang-kadang, Tuan Yang di-Pertua, yang kita tidak jawab itu bukan semestinya kita setuju tetapi kita sudah tidak kuasa untuk melayan mereka ini.

Sebagai satu contoh, saya boleh beri di dalam Dewan ini, Setiausaha Agung MTUC yang juga ahli politik, dia telah ditahan di bawah ISA, bukan atas kesalahan berkaitan dengan kesatuan sekerja, tetapi di atas kesalahannya dari segi mengancam keselamatan negara. Jadi, tidak ada langsung kait-mengait dengan kegiatan kesatuan sekerja tetapi di luar negeri dia sudah membuat tuduhan bahawa Kerajaan Malaysia ini menahan beliau di bawah ISA adalah kerana kegiatannya di dalam kesatuan sekerja. Tetapi umum di Malaysia mengetahui, apakah yang telah dibuat oleh Yang Berhormat yang berkenaan isu yang menyebabkan beliau ditahan, tidak ada perkara yang dibuat di dalam ini. Mungkin ahli-ahli kesatuan sekerja mengetahui ada orang lain lagi yang lantang dalam MTUC tetapi tidak, ditahan, kerana itu memang haknya dan memang bidang tugas, tanggungjawabnya membangkitkan perkara-perkara demi untuk kepentingan pekerja.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, begitulah, kalau kita menulis artikel, sebagai contoh, kerana kepentingan kita, dia tidak adil kepada orang lain, kerana tulisan itu mengikut pemikiran kita yang kita belum tahu pemikiran kita ini sesuai dengan kehendak orang lain ataupun kepentingan orang lain. Kalau saya menulis untuk saya, tentu saya akan menjaga kepentingan saya, tidak kepentingan orang lain. Orang yang seperti ini adalah mementingkan diri, dia tidak melihat negara kita ini sebagai satu sistem yang marah kalau berlaku

satu-satu perkara yang buruk, dalam satu segi, kita juga akan terlibat. Kalau negara kita maju dengan perindustrian, pertanian, dan semua sekali aktiviti ekonomi, apakah kesannya? Pembangunan negara ini akan menyebabkan peluang-peluang pekerjaan bertambah dan anak-cucu kita terjamin, ada pekerjaan dalam negara kita. Kalau kita mewujudkan huru-hara, perbalahan kaum, negara kita tidak akan maju, negara yang tidak aman ini tidak akan menarik perhatian pelabur-pelabur luar dan juga dari dalam negeri seperti yang terjadi dengan jiran-jiran kita yang berperang, kita pergi saksikanlah, tidak ada pekerjaan, tidak ada makanan, tidak ada tempat tinggal.

Jadi, oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya ringkaskan cerita saya ini, Kerajaan khususnya Kementerian, kadang-kadang kita ada perkara yang lebih penting untuk kepentingan pekerja dan majikan dan negara untuk diselesaikan. Ada masanya kita tidak sempat hendak jawab risalah-risalah, ini kerana ia tumbuh macam cendawan. Hari ini dinamakan **INSAN**, besok tidak tahu apa lagi yang akan dinamakan. Hari ini dalam suratkhbar yang ada pendaftaran rasminya, besok keluar dalam suratkhbar yang tidak ada permit ataupun kelulusan KDN. Hari ini dia keluar dalam suratkhbar, besok keluar dalam buku pula. Jadi kita tidak dapat hendak sangka bila dia akan keluar dan bagaimana dia akan keluar.

Jadi, untuk mengatasi masalah ini, saya menyeru dan meminta jasa baik semua Ahli-ahli Yang Berhormat, sama-samalah kita memberikan penjelasan. Bahan-bahan penjelasan ini kita ada, rekod kita ada, statistik kita ada untuk membuktikan kebenaran kita dan juga kepalsuan tuduhan-tuduhan ini dan kita boleh buktikan kepada orang-ramai.

Akhir sekali, Tuan. Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh ucapan Yang Berhormat Senator V.K, Sellappan iaitu berkaitan dengan pekerja-pekerja ladang. Yang Berhormat V.K. Sellappan telah menyatakan tentang kemudahan-kemudahan. asas di ladang adalah berkurangan. Saya. telah menjawab di dalam Dewan Negara ini beberapa kali tentang kemudahan. asas di ladang dan sebagainya dan jawapan saya itu telah terperinci. Walau bagaimanapun, suka saya menyatakan. bahawa soal kemudahan asas di ladang ini, Kementerian mengambil perhatian. Kita ada akta-akta yang berkenaan. yang menentukan dan yang mengheadaki, misalannya bila ada perumahan mesti mengikut standard ataupun piawai yang ditetapkan, bekalan air yang bersih dan sebagainya. Tetapi Yang Berhormat ada menyentuh dalam aspek yang lain iaitu pembangunan Kerajaan ini tidak dapat kepada pekerja-pekerja ladang. Maka derigan sebab itu, mengikut fahaman. saya, Yang Berhormat meminta Kerajaan mengatasi masalah-masalah perumahan, jalan, air, Pejabat Pos dan sekolah-sekolah di ladang-ladang.

Seperti yang saya dapat perhatikan, ladang-ladang yang besar banyak. memberikan kemudahan tetapi kalau sekiranya jalan-jalan itu adalah bidang tanggungjawab ladang **itu**, kita tidak boleh mengambil-alihnya kerana tanah mereka dan sebagainya. Tetapi mengatakan bahawa projek Kerajaan ini tidak sampai kepada ladang. adalah tidak adil Tuan Yang di-Pertua, kerana misalannya,- projek pembangunan. bandar juga mendatangkan faedah secara tidak langsung kepada pekerja estet. Takkanlah pekerja estet ini duduk dalam estet sepanjang masa, tentu mereka keluar ke bandar, beli barang, pergi ke supermarket dan sebagainya. Jadi, mereka juga menikmati jalan raya yang sempurna di bandar-bandar dan dari estet ke bandar, mereka juga menikmati kemudahan hospital di bandar-bandar, mereka juga boleh

menghantar anak-anak mereka ke sekolah menengah di bandar-bandar walaupun sekolah di ladang-ladang itu mendapat bantuan modal tetapi bila telah tamat Darjah Enam, masuk ke sekolah menengah sepenuhnya, itu adalah sekolah Kerajaan. Kalau cerdik lagi boleh sampai ke universiti, cerdik lagi boleh pergi ke luar negeri. Pendek kata, ada kemudahan itu sampai tetapi ladang itu kepunyaan persendirian, tidak bolehlah kita hendak masuk dalam ladang itu membuat segala-galanya atas kita. Kalau segala-galanya Kerajaan buat, Ladang itu menjadi ladang Kerajaan pula, bukan ladang swasta lagi. Ini yang kita hendak bezakan, Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan perkara ini.

Yang kedua dan terakhir ialah masalah pendatang tanpa izin di ladang-ladang. Ini saya hendak jelaskan kepada Dewan yang mulia ini, kerana ia penting, Tuan Yang di-Pertua. Ini yang terakhir, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya, persetujuan Kerajaan memberikan permit kerja kepada buruh-buruh asing untuk bekerja di dalam ladang-ladang ini sebenarnya adalah sangat terhad. Ianya terhad kepada keadaan yang sangat-sangat memerlukan. Umpamanya, ladang-ladang yang terpencil, yang jauh di hulu-hulu, tidak ada buruh bekerja. Bila permohonan diterima, ia akan disiasat dan ditimbang dengan telitinya. Bila didapati bukti yang nyata memang tidak ada buruh tempatan yang mahu bekerja di situ, baru dikeluarkan permit ini. Sekarang ini tidak banyak permit itu dikeluarkan walaupun permintaan ataupun hasrat ladang-ladang ini adalah sangat tinggi untuk mendapatkan pekerja-pekerja ini.

Soal kekurangan buruh di sektor ladang ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah satu perkara yang benar berlaku, bukanlah kerana seperti Yang Berhormat sebut kerana masalah gaji sahaja dan sebagainya. Sebenarnya dengan peningkatan pelajaran rakyat kita, ia

dengan sendirinya tidak mahu lagi menjadi penoreh getah. Ini juga harus kita beritahu kepada Dewan. Contohnya, takkan dia rasakan dia lulus STPM selepas Tingkatan VI, dia hendak balik menoreh getah. Sekarang sudah ramai yang lulus SRP, SPM, itu sudah biasa, Tuan Yang di-Pertua. Di dalam estet itu pun satu fenomena baru, rakan-rakan kita yang dahulunya duduk dalam estet, sekarang-sudah tidak mahu duduk dalam estet ini, dia hendak keluar, cari kerja di kilang, di sektor bandar yang ada banyak kemudahan, ada hiburan, ada kedai besar, ada jalan baik dan sebagainya, sudah keluar daripada ladang. Jadi, ini sebenarnya masalah yang nyata.

Oleh itu, saya ingin memberi jaminan kepada Dewan yang mulia ini bahawa walaupun Kerajaan membenarkan. belum lagi, akan datang - kalau membenarkan, ianya setelah ditimbang deagan. seteliti-telitinya bahawa untuk menjaga kepentingan negara iaitu pengeluaran ladang-ladang ini adalah pengeluaran hasil. negara yang penting. Kalau tidak boleh keluar hasil negara, kerana, tidak, cukup.buruh, maka.. Kerajaan akan mengambil pekerja-pekerja asing. Ini juga seharusnya menjadikan cabaran kepada rakyat tempatan supaya kita bekerja di ladang-ladang. Pengangguran banyak, peluang pekerjaan juga banyak tetapi yang menganggur ini tidak mahu terima kerja yang kosong ini. itu masalahnya.

Jadi Jabatan Tenaga Rakyat ataupun Kementerian Buruh kita menghadapi masalah yang besar, kerana dalam senarai kita penganggur ramai, tetapi kerja-kerja yang kosong ini tidak ada orang hendak. Saya ingat kalau tidak silap saya hanya tidak sampai 5% daripada yang berdaftar dengan Kementerian ini minta berkerja di sektor ladang, yang berdaftar dengan kita hendak bekerja di kilang, di pejabat dan sebagainya. Oleh **itu**, Tuan Yang di-Pertua, jumlah angka yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator V.K. Sellappan tentang buruh-buruh tanpa izin berpuluh ribu kerja di ladang, itu adalah angka yang tidak sah, kerana Kementerian sendiri pun tidak tahu, kerana mereka masuk tanpa izin, maka tidak ada pendaftaran, kita tidak tahu berapa.

Kementerian Buruh melalui Jabatan Buruh sentiasa mengadakan serbuan-serbuan dan pemeriksaan ke ladang-ladang ini bersama-sama dengan Kementerian Dalam Negeri, untuk mengambil cintakan kepada buruh-buruh pendatang tanpa izin ini dan majikan-majikan juga telah didenda kerana menggaji buruh tanpa izin, dan dari masa ke semasa kita akan mengambil tindakan yang sepatutnya,

Tuan Yang di-Pertua, ada lagi beberapa perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya tidak sempat hendak jawab. Walau bagaimanapun perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu telah saya catitkan di sini, mana yang patut ataupun yang sesuai kita akan mengambil tindakan, mana-mana cadangan yang baik itu kita akan terima dan perkara-perkara yang memerlukan tindakan Kementerian ini, kita akan memberikan perhatian yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang—undang dibacakan kali yang kedua - dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 hingga 18 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga, dan diluluskan,.

RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.16 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa satu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Syarikat 1965 dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang ,di-Pertua tujuan Rang Undang-undang (Pindaan) ini ialah untuk meminda Akta Syarikat 1965 bagi melicinkan lagi jentera pentadbiran dan penguatkuasaan Akta Syarikat tersebut. Selain dari itu Rang Undang-undang (Pindaan) ini juga telah mengambilkira

beberapa pindaan berbangkit berikutan dari pindaan-pindaan yang telah dibuat di masa lalu.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Syarikat 1965 adalah suatu Akta yang membolehkan pengusaha-pengusaha menubuhkan berbagai jenis organisasi koprat untuk menjalankan perniagaan mereka. Ia juga menetapkan, antara lain, acara tertentu bersabit dengan penubuhan syarikat, perlembagaannya, hubungannya dengan anggota-anggota dan para pemiutangnya, pengurusan dan pembubarannya. Sejak penguatkuasaan Akta ini dalam tahun 1965, beberapa pindaan telah dibuat sejajar dengan pendedaran masa dan perkembangan yang pesat di dalam sektor koprat. Kali ini pindaan-pindaan yang dicadangkan tidak melibatkan implikasi secara langsung ke atas sektor koprat pada keseluruhannya. Rang Undang-undang (Pindaan) ini dibentangkan mencadangkan hanya 5 pindaan kepada Akta tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang pertama ialah pindaan kepada seksyen 7. Pindaan ini adalah dibuat bagi membolehkan pembayaran yuran-yuran yang perlu dibayar kepada Pendaftar Syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 dibuat dengan cara selain daripada tunai. Dengan pindaan ini, kuasa akan diberi kepada Menteri untuk menetapkan berbagai cara untuk memungut bayaran yuran umpamanya melalui penggunaan stem ataupun melalui sistem akaun GIRO sebuah bank, misalnya Bank Simpanan Nasional. Kemungkinan juga di masa hadapan, apabila wujudnya suatu sistem yang sewajar, syarikat-syarikat akan boleh menfail dokumen-dokumen dengan cara elektronik di samping

membuat bayaran yuran dengan cara elektronik juga,

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 7A yang baru adalah dimasukkan berikutan dari beberapa permohonan yang diterima daripada badan-badan berkanun dan agensi-agensi Kerajaan supaya diberi pengecualian dari membuat bayaran kepada Pendaftar Syarikat apabila mereka membuat urusan dengan pejabat itu.

Pada masa ini, Pendaftar Syarikat tidak mempunyai kuasa di bawah Akta Syarikat 1965 untuk memberi pengecualian kepada mana-mana pihak dari membuat bayaran apabila mereka membuat permohonan mendapat maklumat-maklumat syarikat. Sungguhpun demikian, secara amalan, Pendaftar Syarikat telah memberi pengecualian kepada permohonan-permohonan yang diterima daripada Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan tetapi bukan kepada badan-badan berkanun dan agensi-agensi Kerajaan, seperti Bank, Negara Malaysia dan Kumpulanwang Simpanan Pekerja. Beberapa buah badan-badan berkanun dan agensi-agensi Kerajaan tersebut telah membuat permohonan supaya dikecualikan juga dari kehendak membuat bayaran yuran atas alasan bahawa maklumat-maklumat syarikat yang diminta adalah bagi maksud menjalankan tugas-tugasnya di bawah undang-undang yang ditadbir olehnya.

Dengan kemasukan. seksyen 7A yang baru Menteri akan mempunyai kuasa untuk menimbangkan permohonan-permohonan yang tersebut dan memberi pengecualian dari kehendak membuat bayaran yuran kepada mana-mana badan-badan. berkanun atau agensi Kerajaan yang difikirkan wajar.

Tuan Yang di-Pertrua, satu lagi pindaan ketara yang telah dicadangkan adalah pindaan kepada seksyen 113 yang bertujuan membuat penyerahsimpanan memorandum pelepasan gadaian mandatori. Pada masa ini tidak semua syarikat-syarikat yang telah mewujudkan gadaian terhadap harta-hartanya bagi kepentingan memberi pinjaman menyerahkan simpanan memorandum pelepasan gadaian ke pejabat Pendaftar Syarikat apabila sesuatu pinjaman telah dijelaskan ataupun sesuatu harta telah dilepaskan dari gadaian. Pihak syarikat hanya menyerahkan dokumen yang berkenaan mengikut sesuka hatinya ataupun mengikut pertimbangan sendiri, oleh kerana peruntukan seksyen. 113 yang ada sekarang tidak mewajibkannya berbuat demikian. Oleh kerana itu fail sebuah syarikat yang disimpan di pejabat Pendaftar Syarikat tidak akan memberi gambaran. yang kemaskini mengenai kedudukan pinjaman.-pinjaman. yang diperolehi oleh syarikat itu serta gadaian-gadaian yang masih wujud.

Tuan Yang di-Pertua, dengan membuat penyerahsimpanan. memorandum pelepasan gadaian mandatori seperti yang dicadangkan maka penyimpanan rekod berhubung dengan perwujudan dan pelepasan gadaian oleh Pejabat Pendaftar Syarikat akan menjadi lebih kemaskini dan lebih berfaedah kepada orang awam yang memeriksa fail-fail syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang lain adalah pindaan yang kecil yang perlu dibuat berikutan dari pindaan-pindaan yang telah dibuat melalui Akta Syarikat (Pindaan) terdahulu dan tidak mempunyai kesan besar.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya nyatakan tadi, pindaan-pindaan ini adalah dicadangkan bagi melicinkan lagi jentera pentadbiran dan penguatkuasaan Akta Syarikat 1965 dan tidak mempunyai implikasi secara langsung ke atas sektor korporat,

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Haji Hussein bin Ahmad] : Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta bagi meminda Akta Syarikat 1965 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 hingga 6 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan.: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERTUBUHAN PELADANG (PINDAAN)**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****6.27 ptg.**

Timbalan Menteri Pertanian [Tuan Mohd. Kassim bin. Ahmed]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pertubuhan Peladang 1973 di-baca kali yang kedua sekarang.

Tuan. Yang di-Pertua, pada umumnya, tujuan pindaan Akta ini ialah untuk membolehkan. Pertubuhan Peladang menceburi secara aktif di dalam aktiviti-aktiviti ekonomi di samping memperkemaskan Akta tersebut sejajar dengan perubahan yang berlaku sejak Pertubuhan Peladang mula ditubuhkan pada tahun 1973,

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi penjelasan tentang bahagian-bahagian yang dipinda dalam Rang Undang-undang Pertubuhan Peladang (Pindaan) 1988 yang antara lain. ialah seperti berikut:-

- (a) Membolehkan Pertubuhan Peladang melaksanakan aktiviti-aktiviti mereka tanpa penyertaan secara langsung oleh ahli-ahlinya. Peruntukan yang sedia ada tidak membolehkan aktiviti-aktiviti dijalankan. sekiranya tidak ada penyertaan secara langsung ahli-ahli. Sekatan ini boleh menjejaskan perkembangan Pertubuhan Peladang.
- (b) Mewujudkan peruntukan supaya Pendaftar boleh membenar Pertubuhan Peladang menubuh syarikat atau menyertai ekuiti dalam usaha-usaha perdagangan dan. perniagaan,

Pindaan ini dapat meluaskan. lagi aktiviti perniagaan Pertubuhan Peladang. Di samping itu, Pertubuhan Peladang Kebangsaan ataupun NAPAS dan Pertubuhan Peladang Negeri diberi kuasa:

- (i) untuk mengenalpasti potensi sesebuah projek dan mengasingkan projek yang berisiko tinggi dengan menubuhkan anak syarikat;
- (ii) berkongsi atau menubuhkan syarikat usahasama dengan agensi-agensi lain bagi menjalankan projek yang berdaya maju;
- (iii) menjemput penyertaan ekuiti daripada pihak kreditor bagi kes-kes di mana Pertubuhan Peladang mengalami masalah bayaran hutang.

Ini tidak bererti Pertubuhan Peladang dapat menyertai ekuiti dan menubuh syarikat dengan bebas. Pendaftar iaitu Ketua Pengarah Pertubuhan Peladang akan mengkaji dan mengenakan syarat-syarat sebelum penubuhan sebuah syarikat atau penyertaan ekuiti diluluskan.

Di samping itu, Kementerian. Pertanian akan menyediakan. garis-panduan. mengenai syarat-syaratf seperti menetapkan jumlah modal berbayar kepada sesebuah Pertubuhan Peladang yang ingin menubuh sebuah syarikat atau ,menyertai ekuiti. Dengan adanya garis-panduan dan syarat-syarat, segala aktiviti Pertubuhan Peladang dapat dikawal dan Pertubuhan Peladang akan lebih berhati-hati apabila menubuhkan syarikat atau memiliki ekuiti.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya fikir masa sudah cukup, boleh sambung pada hari esok.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sehingga hari esok, jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.